

ملخص ميسر

الفقه

S102

FIQH

STAM

KANDUNGAN

1	١- الطلاق
14	٢- الرجعة
19	٣- العدد
25	٤- الرضاع
31	٥- الزنا
36	٦- حد شارب المسكر
40	٧- حد السرقة
44	٨- قطاع الطريق
46	٩- أحكام الجهاد
52	١٠- الصيد والذبائح
60	١١- الأضحية
69	١٢- الأفضية

KITAB TALAK (PERCERAIAN)

Pengertian Talak

Talak dari sudut **bahasa** : merungkaikan ikatan.

dari sudut **syara'** : melepaskan ikatan perkahwinan dengan lafaz talak dan seumpamanya.

Imam Nawawi dalam kitab Tahzib beliau mendefinisikan Talak ialah

Dalil (disyariatkan talak)

Dalil syara' sebelum disepakati oleh ulama:

1- **Al Quran** : Firman Allah s.w.t:

"Talak (yang dapat dirujuk) dua kali. setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik". (al Baqarah : 229)

2- **Hadis** :Sabda nabi s.a.w: "Tidak ada perkara halal yang paling dibenci oleh Allah daripada talak". (Hadis riwayat Baihaqi dalam kitab Sunan Kubra)

Hikmah pensyariatan talak

lanya disyariatkan ketika situasi sukar untuk meneruskan hubungan suami isteri kerana telah sampai ke jalan yang buntu disebabkan perselisihan yang mustahil dapat dirungkaikan.

Rukun Talak

Rukun talak ada lima perkara:

- | | | |
|----------------|-----------|-----------------------------------|
| 1- lafaz talak | 2- isteri | 3- masih dalam ikatan perkahwinan |
| 4- niat | 5- suami | |

(Maksud **Niat** dalam **talak sorih** ialah "niat maksud perkataan", manakala Maksud **Niat** dalam **talak kinayah** ialah "niatkan maksud perkataan serta niat berlakunya talak").

كتاب الطلاق

تعريفه:

لغة : حلّ القيد

شرعا : حلّ عقد النكاح بلفظ الطلاق ونحوه.

وعرفه النووي في تهذيبه بأنه: تصرف مملوك للزوج يحدثه بلا سبب فيقطع النكاح.

دليله

والأصل فيه قبل الإجماع الكتاب، كقوله تعالى:

أَلطَّلِقُ مَرَّتَانٍ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَانٍ ^ط (سورة البقرة الآية: ٢٢٩).

والسنة كقوله ^{صلى الله عليه وسلم}: ليس شيء من الحلال أبغض إلى الله تعالى من الطلاق.

(رواه البيهقي في السنن الكبرى)

حكمة مشروعيته

شرح عند استحالة استمرار العلاقة الزوجية بوصولها إلى طريق مسدود بسبب خلاف استعصى علي الحل.

أركان الطلاق

أركانه خمسة : ١- صيغة ٢- محل (زوجة) ٣- ولاية ٤- قصد ٥- مطلق

** المراد بالقصد في الطلاق الصريح: قصد معنى اللفظ،

والمراد بالقصد في الطلاق الكنائي: قصد معنى اللفظ مع قصد إيقاع الطلاق .

Syarat pada suami walaupun secara ta'lik terdapat 2 syarat:

- 1- **Mukallaf** : Tidak sah talak orang bukan mukallaf (seperti kanak-kanak atau orang gila) kerana sabda nabi s.a w: "Diangkat Qalam (tanggungjawab) daripada tiga golongan (kanak-kanak sehingga ia baligh, orang tidur sehingga sedar, orang gila sehingga waras), kecuali orang mabuk maka sah talaknya sedangkan ianya bukan mukallaf. ini sebagai memberatkan hukum ke atasnya.
- 2- **Pilihan sendiri** : Tidak sah daripada orang yang dipaksa kerana maksud umum sabda nabi s.a.w : "tidak jatuh talak ketika akal tertutup" iaitu terpaksa.

Syarat paksaan:

Orang yang memaksa itu mampu melaksanakan ancamannya dengan kuasa atau kebiasaannya melakukan kezaliman dan orang yang dipaksa lemah untuk mempertahankan diri dengan cara melarikan diri dan lain-lain. Pada sangkaannya jika ia enggan menuruti perintahnya maka akan berlakulah ancaman tersebut.

Berlakunya Paksaan :

Dengan cara menakutkan dengan sesuatu ancaman seperti pukulan teruk atau seumpamanya seperti dipenjarakan.

شرط في المطلق ولو بالتعليق شرطان :

(١) تكليف : فلا يصح من غير مكلف (كصبي أو مجنون) لخبر "رفع القلم عن ثلاث" ^١ إلا السكران فيصح منه مع أنه غير مكلف تغليظا عليه

(٢) اختيار : فلا يصح من مكره، لإطلاق خبر "لا طلاق في إغلاق" ^٢ أي إكراه.

شرط الإكراه:

قدرة مُكْرَه - بكسر الراء - على تحقيق ما هدد به بولاية أو تغلب عاجلا ظلما وعجز مكره - بفتح الراء - عن دفعه بهرب وغيره وظنه أنه إن امتنع حقق ما هدد به.

يحصل الإكراه:

بتخويف بمحذور كضرب شديد أو نحو ذلك كحبس.

^١ صححه أبو داود وغيره

^٢ رواه البيهقي وأبو داود

Bahagian Talak dari sudut Lafaznya (Talak Sorih dan Talak Kinayah)

Talak ada dua jenis:

1. **Sorih** (jelas) :

Pengertiannya: Lafaz yang tidak ada maksud lain kecuali cerai

Hukumnya: ianya tidak memerlukan niat untuk menjadikannya sah.

Jika seseorang itu berkata: Aku tidak niat untuk talak, maka tidak diterima kata-kata tersebut.

Syaratnya: ianya tidak memerlukan niat

Lafaz-lafaznya:

Sorih ada tiga bentuk lafaznya:

- i. **“Talak”** dan perkataan yang terbit daripadanya seperti: “Aku talak kamu”, “kamu ditalak”, wahai perempuan yang ditalak”.
- ii. **“Cerai”** dan perkataan yang terbit daripadanya seperti: “Aku cerai kamu”, “kamu dicerai”, wahai perempuan yang dicerai”.
- iii. **“Lepas”** dan perkataan yang terbit daripadanya seperti: “Aku lepaskan kamu”, “kamu dilepaskan”, wahai perempuan yang dilepaskan”.

2. **Kinayah** (sindiran) :

Pengertiannya : Lafaz yang boleh memberi makna cerai dan lainnya,

Hukumnya : ia memerlukan niat untuk menjadikannya sah.

Sebab Memerlukan syarat ini (niat): : Lafaz kinayah ini boleh memberi makna cerai dan lainnya, maka ia perlu kepada niat untuk membeza antara keduanya,

Lafaz-lafaznya:

Talak Kinayah bentuk lafaznya adalah banyak, antaranya :

- 1- “Kamu asing diri dariku”
- 2- “Kamu putus hubungan”
- 3- “Kamu dicerai”
- 4- “Kamu haram bagiku
- 5- “Kamu seperti orang mati”
- 6- “Bersihlah rahimmu”.
- 7- “Tutuplah kepalamu, jauhlah kamu, pergilah kamu, asinglah diri kamu daripadaku”
- 8- “Pulanglah kepada keluarga kamu”

أقسام الطلاق من حيث الصيغة (صريح وكناية)

الطلاق ضربان:

(١) صريح

تعريفه: ما لا يحتمل ظاهره غير الطلاق،

حكمه : لا يحتاج إلى نية لإيقاع الطلاق فلو قال: لم أنو به الطلاق. لم يقبل.

شرطه : لا يحتاج إلى نية

ألفاظه:

(١) "الطلاق" وما اشتق منه، مثل: "طَلَّقْتُكَ" و "أَنْتِ طَالِقٌ" و "يا مطلقة".

(٢) "الفراق" وما اشتق منه، مثل: "فَارَقْتُكَ" و "أَنْتِ مَفَارِقَةٌ" و "يا مفارقة".

(٣) "السراح" وما اشتق منه، مثل: "سَرَّحْتُكَ" و "أَنْتِ مَسْرُوحَةٌ" و "يا مسرحة".

(٢) كناية

تعريفه: ما يحتمل الطلاق وغيره،

حكمه : يحتاج إلى نية لإيقاعه.

علة اشتراط: أن اللفظ متردد بين الطلاق وغيره، فلا بد من نية تميز بينهما.

ألفاظه:

(١) "أَنْتِ خَلِيَّةٌ" أى خلية مني.

(٢) "أَنْتِ بَاتِنٌ" (٣) "أَنْتِ حَرَامٌ عَلَيَّ"

(٤) "أَنْتِ كَالْمَيْتَةِ" (٥) "أَنْتِ كَالْمَيْتَةِ"

(٦) "أَنْتِ كَالْمَيْتَةِ" (٧) "تَقْتَنِي"، "أَبْعَدِي"، "أَذْهَبِي"، "أَغْرِبِي"

(٨) "أَلْحَقِي بِأَهْلِكَ"

Hukum Talak(Talak Sorih dan Talak Kinayah)

Situasi	Hukum dan penerangan	Sebab jika ada
1. Hukum talak dengan niat tetapi tidak melafazkannya	Tidak sah talak tersebut	Kerana ianya bukan ucapan
2. Hukum talak dengan menggerakkan lidah menggunakan perkataan talak	Tidak berlaku talak apabila tidak menguatkan suara sekadar dengar pada dirinya sendiri	Kerana ianya bukan ucapan
3. Hukum menterjemah perkataan talak ke bahasa lain (bukan bahasa Arab)	berlaku talak sorih	Kerana biasa digunakan oleh mereka dan memberi maksud sedemikian.
4. Hukum menterjemah perkataan "firaq" dan "sarah" ke bahasa lain (bukan bahasa Arab)	berlaku talak kinayah	Kerana berbeza maksud keduanya dari segi sorihnya dalam bahasa Arab
5. Hukum jika seseorang itu berkata: "Wajib ke atas saya talak" kemudian ia diam.	Terdapat beberapa pendapat: 1. Dalam kitab al Bahru daripada al Mazni: ianya adalah kinayah. 2. as Soimiri: ianya adalah sorih. 3. az Zarkasyi : itulah yang sebenarnya pada masa ini kerana biasanya memberi maksud talak. ini adalah pendapat yang zahir (jelas).	

أحكام الطلاق (الصريح والكناية)

الحالة	الحكم مع التوجيه	العلة إن وجدت
١. حكم الطلاق بنية من غير لفظ	لا يقع	لأنه ليس بكلام.
٢. حكم الطلاق بتحريك لسانه بكلمة الطلاق	لا يقع إذا لم يرفع صوته بقدر ما يسمع نفسه مع اعتدال سمعه وعدم المانع،	لأن هذا ليس بكلام.
٣. حكم ترجمة لفظ "الطلاق" بالعجمية (إلى غير العربية)	يقع طلاق صريح	لشهرة استعمالها في معناها عند أهلها
٤. حكم ترجمة لفظ "الفراق" و "السراح" بالعجمية	يقع طلاق كناية	للاختلاف في صراحتهما بالعربية، فضعفا بالترجمة
٥. الحكم لو قال: "عليّ الطلاق" وسكت	فيها أقوال : ١- في البحر عن المزني: أنه كناية. ٢- قال الصيمري :، أنه صريح ٣- قال الزركشي : هو الحق في هذا الزمان، لاشتهاره معنى التطلق. وهذا هو الظاهر.	

Syarat sah talak bentuk kinayah

- Syarat sah talak bentuk kinayah perlu disertakan niat pada setiap perkataan yang disebut.
- Sekiranya niat talak pada semua perkataan tersebut maka sah talaknya. Ada pendapat mengatakan: memadai sertakan niat pada perkataan pertama dan sunat pada perkataan-perkataan yang lain. Pendapat yang muktamad: Memadai sertakan niat pada sebahagian perkataan tersebut.
- Sekiranya tidak niat pada mana-mana lafaz kinyat tersebut maka tidak sah talaknya kerana tidak niat.
- Orang yang boleh bercakap menggunakan bahasa isyarat sekalipun difahami talaknya oleh semua orang maka tidak sah talaknya.

Pembahagian Hukum Talak

Hukum yang berkaitan dengan talak ada lima hukum:

- 1- **Wajib**
contoh : Hakim menceraikan suami isteri yang berbalah.
- 2- **Sunat**
contoh: Suami menceraikan isteri yang tidak menjaga kehormatannya
- 3- **Haram**
contoh: talak bid'i³
- 4- **Makruh**
contoh: Suami menceraikan isteri yang baik dan sedang mengandung.
- 5- **Harus**
contoh: Suami menceraikan isteri yang diingini nafsunya dan dia tidak mahu memberi nafkahnya kepada isteri yang tidak boleh berseronok dengannya.

شرط وقوع الطلاق بالكناية :

- شرط وقوع الطلاق بالكناية : النية واقتراها ببعض اللفظ.
- فإن نوى بجميع ذلك الطلاق وقع، قيل: يكفي إقترانها بأوله وينسحب ما بعده عليه. والمعتمد: أنه يكفي ببعض اللفاظ.
- وإن لم ينو بلفظ من ألفاظ الكنايات لم يقع طلاق لعدم قصده.
- وإشارة ناطق وإن فهمها كل أحد بطلاق فلغو.

قسم جماعة الطلاق إلى الأحكام الخمسة:

الأحكام التي تعزري الطلاق :

الحكم	مثاله
١. واجب	طلاق الحكم في الشقاق
٢. مندوب	طلاق زوجة حالها غير مستقيم، كأن تكون غير عفيفة
٣. حرام	طلاق بدعي.
٤. مكروه	طلاق مستقيمة الحال وعليه الحمل "أبغض الحلال إلى الله تعالى الطلاق".
٥. مباح	طلاق زوجة لا يهواها الزوج، ولا تسمح نفسه بمؤنتها من غير استمتاع بها. (كما أشار إليه الإمام الحرمين الجويني)

³ Talak bid'i : menceraikan isteri ketika haid atau ketika suci tetapi sudah disetubuhi.

Bahagian Talak dari segi waktu berlakunya

Hukum talak isteri ada dua bentuk:

1- *Talak Sunni* :

Pengertiannya: Berlaku talak pada isteri yang telah disetubuhi – yang tidak hamil, bukan budak kecil dan bukan perempuan yang monopaus – ketika keadaan suci serta tidak disetubuhinya pada masa suci tersebut,

Hukumnya : Tidak haram

Sebab : Kerana disusuli dengan tempoh iddahnya dan tidak menyesal.

Firman Allah s.w.t: “apabila kamu menceraikan Isteri-isterimu Maka hendaklah kamu ceraikan mereka pada waktu iddah mereka [isteri-isteri itu hendaklah ditalak diwaktu Suci sebelum dicampurij” (surah at Tolaq : 1)

2- *Talah Bid'i*

Pengertiannya: Berlaku talak pada isteri yang telah disetubuhi ketika haid atau ketika keadaan suci tetapi disetubuhinya pada masa suci tersebut, dan isteri tersebut adalah wanita yang boleh mengandung atau ketika haid sebelumnya). situasi ini berbeza dengan masalah apabila ianya dicerai ketika haid, berdasarkan firman Allah s.w.t: “Maka hendaklah kamu ceraikan mereka pada waktu mereka dapat (menghadapi) iddahnya (yang wajar)” (surah at Tolaq : 1)

Hukumnya : haram

Sebab dan maksud pengharamannya :

1. Kerana memudaratkan wanita tersebut dengan lamanya tempoh menunggu
2. ianya akan membawa kepada penyesalan bagi yang mengandung apabila nyata kandungannya, seseorang itu kadang-kadang ianya menceraikan isterinya yang tidak mengandung, dan apabila menyesal kadang-kadang ia tidak dapat berfikir dengan waras, seterusnya akan memudaratkan dia dan anaknya..

أقسام الطلاق من حيث الوقت الذي يقع فيه

(١) الطلاق السني :

تعريفه: أن يوقع الطلاق على مدخول بها - ليست بحامل، ولا صغيرة، ولا آيسة - في طهر غير مجامع فيه ولا في حيض قبله.

حكمه : لا تحريم فيه

العلة: لاستعقابه الشروع في العدة وعدم الندم.

قال تعالى: إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ^٤

(٢) الطلاق البدعي :

تعريفه : أن يوقع الطلاق على مدخول بها (في الحيض أو في طهر جامعها فيه، وهي ممن تحبل، أو في حيض قبله)، وذلك لمخالفته فيما إذا طلقها في حيض، لقول تعالى: فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ^٥ وزمن الحيض: لا يحسب من العدة، ومثله النفاس.

حكمه : حرم

العلة والمعنى في تحريمه:

١- لتضررها بطول مدة التبرص.

٢- لأدائه للندم فيمن تحمل إذا ظهر حملها، فإن الإنسان قد يطلق الحائل دون الحامل،

وعند الندم قد لا يمكنه التدارك فيتضرر هو والولد.

^٤ سورة الطلاق : الآية ١

^٥ سورة الطلاق : الآية ١

Talak yang bukan bid'i dan bukan juga talak sunni

Jenis talak yang bukan bid'i dan bukan juga talak sunni, mereka adalah 4 golongan:

Jenis	Sebab
1. Budak kecil	Kerana tempoh iddahnya adalah mengikut bulan, maka tidak timbul kemudaratannya.
2. Perempuan yang monopaus	
3. Isteri hamil yang nyata kehamilannya	Kerana iddahnya adalah sehingga melahirkan, maka berbeza tempoh iddahnya dan tidak menyesal selepas nyata kehamilannya.
Isteri yang khuluk yang belum disetubuhi	Kerana tidak ada iddah baginya

Perkara yang dituntut bagi seseorang yang menceraikan isteri secara talak bid'i :

* Barangsiapa yang menceraikan isterinya secara talak bid'i sunat baginya rujuk kembali, kemudian selepas itu sekiranya ia ingin menceraikannya hendaklah selepas sempurna sucinya kerana ada hadis menyebut: bahawa Ibnu Umar telah menceraikan isterinya ketika haid lalu Umar menceritakannya kepada nabi s.a.w dan baginda berkata: Suruhlah dia rujuk kembali isterinya kemudian bolehlah ia ceriakannya ketika keadaan isterinya suci". iaitu sekiranya ia ingin menceraikannya

طلاق ليس بدعيا ولا سنيا

ضرب ليس في طلاقهن سنة ولا بدعة وهنَّ أربع:

الصورة	العلة
١. الصغيرة التي لم تحض	لأن عدتها بالأشهر فلا ضرر يلحقها.
٢. الأيسة	
٣. الحامل التي ظهر حملها	لأن عدتها بوضعها فلا تختلف المدة في حقها ولا ندم بعد ظهور الحمل
٤. المختلعة التي لم يدخل بها	إذا لا عدة عليها

ما يطلب ممن طلق بدعيا :

*من طلق بدعيا سُنَّ له الرجعة، ثم بعدها إن شاء طَلَّق بعد تمام الطهر لخبر : أن ابن عمر طلق زوجته وهي حائض، فذكر ذلك عمر للنبي ﷺ، فقال: "مره فليراجعها، ثم ليطلقها طاهرا" أي إن أراد طلاقها.

Talak yang dimiliki oleh suami

Bahagian 1 : Bilangan Talak

- lelaki yang merdeka memiliki tiga talak sama ada pada isterinya yang merdeka atau hamba, kerana firman Allah s.w.t: *Talak (yang dapat dirujuk) dua kali. setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik.*
- Ulama tidak mengira isterinya itu hamba kerana talak itu dikira pada suami, kerana sabda nabi s.a.w: *"Talak itu pada lelaki dan iddah itu pada perempuan"*.

Apakah hukum menghimpunkan semua bilangan talak ? Apakah dalil dan alasannya?

Menghimpunkan semua bilangan talak : Tidak haram

Alasannya : Kerana Umaira al A'jlani ketika dia melakukan li'an kepada isterinya di hadapan nabi saw, dia menceraikannya dengan 3 talak sebelum nabi saw memberitahunya bahawa isterinya telah bercerai dengan li'an tersebut. (Hadis Muttafaq 'alaih). Sekiranya melakukan talak 3 itu haram nescaya baginda saw melarangnya melakukan sedemikian.

Bahagian 2 : Menggunakan istithna dalam talak

Pengertiannya : pengecualian talak dengan perkataan (إِلا) atau mana-mana kata istithna lain.

Hukumnya : boleh menggunakan *istithna* dalam talak

Alasannya : Kerana adanya bentuk talak ini dalam al Quran, hadis dan ungkapan Arab.

ما يملكه الزوج من الطلقات

القسم الأول : عدد الطلقات:

- يملك الحر على زوجته حرةً كانت أو أمةً - ثلاث تطليقات لقوله تعالى : **الطَّلُقُ مَرَّتَانٍ طَّ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَانٍ**
- وإنما لم يعتبروا رق الزوجة لأن الاعتبار في الطلاق بالزوج لقوله عليه السلام : "الطلاق بالرجال والعدة بالنساء".

ما حكم جمع الطلقات؟ وما الدليل والعلة.

جمع الطلقات : لا يحرم

العلة : لأن عميرا العجلاني لما لاعن امرأته عند النبي ﷺ طلقها ثلاثا قبل أن يخبره النبي ﷺ أنها تبين باللعان (متفق عليه)، فلو كان إيقاع الطلاق ثلاثا حراما لنهاه عن ذلك.

القسم الثاني: الاستثناء في الطلاق :

تعريفه : الإخراج بـ (إلا) أو بإحدى أحواتها.

حكمه : يصح الإستثناء في الطلاق

والتعليل : لوقوعه في القرآن، والسنة، وكلام العرب.

Syarat penggunaan istithna dalam talak

Sah penggunaan *istithna* ini ada lima syarat:

- 1) Apabila menyambungkan kata *istithna* dengan kata sumpah
 - 2) Niat sebelum habis menyebut *mustathna minhu*
 - 3) Niat untuk menghilangkan hukum bersumpah itu
 - 4) Menyebut kata *istithna'* itu dan dapat didengar oleh dirinya sendiri
 - 5) Tidak menghabisi semua talaknya
- sekiranya suami berkata: "Kamu dicerai talak tiga kecuali tiga" tidak sah *istithna* itu dan isterinya tertalak tiga.
 - boleh mendahulukan *mustathna*⁷ ke atas *mustathna minhu*⁸: "Kamu dicerai tiga talak kecuali satu talak". Kata *istithna* ini dikira pada apa yang dilafazkan bukan talak yang dimiliki oleh suami,
 - sekiranya suami berkata: "Kamu dicerai talak lima kecuali tiga" maka jatuh dua talak.

Bahagian 3 :**Kaitkan Talak Dengan Sifat Atau Syarat Tertentu**

1- Boleh kaitkan talak dengan sifat dan jatuh talak itu apabila adanya sifat tersebut.

- Apabila suami berkata kepada isterinya: "Kamu dicerai pada bulan sekian @ awal bulan" maka jauh talak pada malam pertama bulan tersebut.
- "kamu dicerai pada siang hari bulan sekian" maka jatuh talak pada awal pagi hari tersebut.

⁷ *mustathna* – perkataan selepas *kata istithna*

⁸ *mustathna minhu* – perkataan sebelum *kata istithna*

شروط الاستثناء

لصحته شروط خمسة:

- ١) إذا وصله باليمين – (وصل المستثنى بالمستثنى منه)
- ٢) ينويه قبل فراغه – (المستثنى منه)
- ٣) يقصد به رفع حكم اليمين
- ٤) يتلفظ به مسمعا به نفسه
- ٥) ألا يكون مستغرقا

– لو قال : "أنت طالق ثلاثا إلا ثلاثا" لم يصح الاستثناء وطلقت ثلاثا.

– يصح تقديم المستثنى على المستثنى منه : أنت إلا واحدة طالق ثلاثا" الاستثناء يعتبر من الملفوظ به لا من المملوك.

– لو قال : "أنت طالق خمسا إلا ثلاثا" وقع طلقتان.

القسم الثالث: تعليق الطلاق بالصفة والشرط:

١- يصح تعليق الطلاق بالصفة فتطلق عند وجودها

- إذا قال لها : "أنت طالق في شهر كذا" أو "في غرته" أو "في رأسه" أو "في أوله" – وقع الطلاق مع أول جزء من الليلة الأولى منه.
- أو "أنت طالق في نهار كذا شهر كذا" أو "أول يوم منه" – فتطلق بأول فجر يوم منه

Kata syarat dan kata sifat yang digunakan dalam talak:

- **إِنْ** : “sekiranya kamu masuk rumah ini kamu dicerai”.
- **مَنْ** : “siapa yang masuk ke rumah ini di antara isteri-isteriku maka ia dicerai”.
- **كلما** ، **متى** ، **متى** ، **إذا** : “setiap kali mana-mana antara isteri-isteriku yang masuk ke rumah ini maka dia dicerai”.
- **أيّ** : “mana-mana waktu yang kamu masuk ke rumah ini maka kamu dicerai”.
- **مهما** : “setiap kali kamu masuk rumah ini kamu dicerai”.
- **ما الشرطية** : “setiap kali kamu masuk rumah ini kamu dicerai”.
- **إذما** ، **أياما** ، **أيان** ، **إذا** : “Bila mana-mana antara isteri-isteriku yang masuk ke rumah ini maka dia dicerai”.
- **أين** ، **حيثما** : “Bila-mana antara isteri-isteriku yang masuk ke rumah ini maka dia dicerai”.
- **كيف** ، **كيفما** : “Bagaimana kamu masuk ke rumah ini maka kamu dicerai”.

Bahagian 4- Isteri

- Tidak jatuh talak sebelum berkahwin kerana sabda nabi s.a.w: “Tidak jatuh talak kecuali selepas berkahwin”. (Hadis riwayat Tirmizi)

الأدوات التي يحصل بها التعليق

[**إِنْ** ، **مَنْ** ، **إذا** ، **متى** ، **متى** ، **كلما** ، **أيّ** ، **مهما** ، **ما** ، **إذما** ، **أياما** ، **أيان** ، **أين** ، **حيثما** ، **كيف** ، **كيفما**]

تعليق الطلاق بالشروط والأدوات التي يحصل بها التعليق وصورها:

الأداة	صورها
إِنْ (هي أم الباب)	إِنْ دخلتِ الدار فأنتِ طالق
مَنْ	مَنْ دخلتِ من نسائي الدار فهي طالق
إذا ، متى ، متى ما ، كلما	كلما دخلتِ الدار واحدة من نسائي فهي طالق
أيّ	أي وقت دخلتِ الدار فهي طالق.
مهما (بمعنى ما)	مهما دخلتِ الدار فأنتِ طالق.
ما (الشرطية)	ما دخلتِ الدار فأنتِ طالق
إذما ، أياما ، أيان (هي كـ "متى" في تعميم الأزمان)	أيان دخلتِ الدار واحدة من نسائي فهي طالق
أين ، حيثما (لتعميم الأزمنة)	أين دخلتِ الدار واحدة من نسائي فهي طالق
كيف ، كيفما (للتعليق على الأحوال)	كيفما دخلتِ من الدار فأنتِ طالق

قسم الرابع : المحل :

– لا يقع الطلاق المعلق قبل النكاح لقوله عليه السلام: "لا طلاق إلا بعد نكاح". (رواه الترمذي)

Bahagian 5– suami

Syarat suami (yang boleh menceraikan isterinya):

- 3- **Mukallaf** : Tidak sah talak orang bukan mukallaf (seperti kanak-kanak atau orang gila) kecuali orang mabuk kerana sabda nabi s.a w: “Diangkat Qalam (tanggungjawab) daripada tiga golongan (kanak-kanak sehingga ia baligh, orang tidur sehingga sedar, orang gila sehingga waras).
- 4- **Pilihan sendiri** : Tidak sah daripada orang yang dipaksa kerana sabda nabi s.a.w : “tidak jatuh talak ketika akal tertutup” iaitu terpaksa.

Pengecualian daripada syarat Mukallaf ini:

4 golongan yang tidak jatuh talaknya sama ada secara langsung atau kaitkan dengan sesuatu:

- 1- Kanak-kanak
- 2- Orang gila
- 5- Orang yang tidur, kerana sabda nabi s.a w: “Diangkat Qalam (tanggungjawab) daripada tiga golongan: kanak-kanak sehingga ia baligh, orang tidur sehingga sedar, orang gila sehingga waras”
- 6- Orang yang dipaksa, tidak jatuh talak ke atas isterinya – berbeza dengan Imam Abu Hanifah – kerana sabda nabi s.a.w: “Diangkat daripada umatku (kesalahan) kerana tersalah laku, terlupa dan perkara yang dipaksa”.

Siapakah *al Ma'tuh* ? Apakah hukum talaknya ? apakah qiasnya ?

al Ma'tuh ialah orang yang kurang akal.

Hukum talaknya : Tidak sah. **Qiasnya** seperti orang gila.

- sekiranya ada tanda-tanda pilihan pada orang yang dipaksa seperti dia dipaksa talak tiga lalu dia hanya talak satu atau dipaksa talak sorih lalu dia talak kinayah serta niat, atau dipaksa talak berta'lik lalu dia talak secara langsung atau sebaliknya – maka jatuh talak pada semua keadaan tersebut kerana tersirat disebaliknya tanda-tanda pilihan sendiri.

قسم الخامس : شروط المطلق

١- تكليف : لا يصح من غير مكلف (كصبي أو مجنون) إلا السكران لقوله عليه السلام: "رفع الكلام عن الثلاث".

٢- اختيار : لا يصح من مكره لغيره : "لا طلاق في إغلاق" أي: إكراه.

محتزات الشروط:

يخرج بالتكليف : أربع لا يقع طلاقهم بتنجيز ولا تعليق:

لقوله عليه السلام: "رفع الكلام عن الثلاث، عن الصبي حتى يبلغ، وعن المجنون حتى يفيق، وعن النائم حتى يستيقظ".

- (١) الصبي
- (٢) المجنون
- (٣) النائم

٤) المكره : لا يقع طلاق المكره على زوجته – خلافا لأبي حنيفة – لقوله عليه السلام: "رفع عن أمي الخطاء والنسيان وما استكرهوا عليه".

من هو المعتوه ؟ وما حكم طلاقه ؟ وما قياسه ؟

المعتوه هو الناقص العقل

حكم طلاقه: لا يصح، قياسه : كالمجنون

- إن ظهر من المكره قرينة اختيار منه للطلاق كأن أُكْرِهَ على ثلاث طلاقات فطلق واحدة، أو على طلاق صريح فكئني ونوى، أو على تعليق فنجز، أو بالعكس فهو وقع الطلاق في الجميع لأن المخالفة تشعر للاختيار.

Syarat-syarat berlakunya paksaan:

- 1) Mampu orang yang memaksa itu melaksanakan ancamannya dalam tempoh segera secara zalim sama ada dengan kuasa atau mengalahkannya.
- 2) Lemah orang yang dipaksa untuk melawannya dengan cara melarikan diri atau meminta tolong orang lain.
- 3) Pada sangkaannya sekiranya ia ingkar maka akan berlakulah apa yang ditakutinya seperti dipukul dengan teruk.

Gambaran paksaan:

1. Paksaan dengan merosakkan harta yang tidak menyempitkan hidup orang yang dipaksa seperti 5 dirham bagi orang yang hidup senang : ini bukan paksaan pada bab talak.
2. Dipenjarakan : adalah paksaan sekalipun tidak lama seperti pendapat al Azraie
3. Pukulan yang sedikit bagi mereka yang mempunyai kedudukan dikira sebagai paksaan.

شروط حصول الإكراه:

- ١) قدرة المُكْرَه على تحقيق ما هدد به المُكْرَه تهديدا عاجلا ظلما بولاية أو تغلب
- ٢) عجز المُكْرَه عن دفعه بهرب وغيره كاستغاثة بغيره.
- ٣) ظنه أنه إن امتنع حَقَّق ما خوفه بمحذور كضرب شديد.

صور الإكراه:

- ١) الإكراه بإتلاف مال لا يضيق على المكروه - بفتح الراء - كخمسة دراهم في حق الموسر
: ليس بإكراه على الطلاق
- ٢) الحبس في الوجيه : إكراه وإن قل كما قاله الأذري
- ٣) الضرب اليسير في أهل المروءات يعتبر إكراه

الأسئلة :

(١) ضع علامة (√) أمام العبارة الصحيحة وعلامة (X) أمام العبارة الخطأ معللاً لاختيارك:

- أ. قال: عليّ الطلاق وسكت، الأصح أنه صريح في الطلاق عند الصيمري.
- ب. طلاق الحكمين في الشقاق يعد طلاقاً واجباً.
- ج. قال له: طلق زوجتي وإلا قتلتك. فطلقها، لا يقع الطلاق.

(٣) بين الحكم مع التعليل في كل مما يأتي:

- أ. قال لزوجته: أنت طالق ثلاثاً إلا ثلاثاً.
- ب. قال لزوجته: أنت طالق ثلاثاً إلا نصف طلقة.
- ج. إشارة الناطق المفهمة في الطلاق.
- د. إشارة الأخرس في الطلاق مع قدرته على الكتابة.

(٤)

أ. ما الحكم: نوى الطلاق ولم يتلفظ به؟ أو حرك لسانه فقط بكلمة الطلاق دون أن يسمع نفسه؟

ب. متى يحتاج الطلاق الصريح إلى نية؟

ج. ما شرط الطلاق الكنائى؟

د. ما الذي يسن لمن طلق طلاقاً بدعيّاً؟ ثم اذكر من ليس في طلاقهن سنة ولا بدعة؟

هـ. ما حكم من طلق زوجته ثلاثاً في مجلس واحد؟

و. ما حكم الطلاق المعلق قبل النكاح؟ وما دليله؟ ومن الذين لا يقع طلاقهم؟ وما شروط

الاستثناء في الطلاق؟

(٢) وضح الفرق في الحكم بين كل مما يأتي:

أ. النية في الطلاق الصريح، والنية في الطلاق الكناية.

ب. طلاق السكران - طلاق المكره.

ج. الطلاق السني والبدعي.

RUJU'**Pengertian Ruju'**

Ruju' dari segi **bahasa** : *isim marrah* daripada perkataan ruju' (kembali).

Dari segi **syara'** : mengembalikan isteri kepada ikatan perkahwinan daripada perceraian yang bukan talak tiga mengikut cara tertentu.

Dalil disyariatkan Ruju'

Dalil syara' sebelum disepakati oleh ulama:

1- Firman Allah s.w.t:

"dan suami-suaminya berhak merujukinya dalam masa menanti itu, jika mereka (para suami) menghendaki ishlah".

2- Sabda nabi s.a.w: "Jibril a.s mendatangi aku dan berkata : Ruju'lah semula Hafsah kerana dia seorang yang sentiasa berpuasa dan beribadat. dia merupakan isteri kamu di syurga nanti".

Rukun Ruju'

Rukun ruju' ada tiga perkara:

- 1- isteri
 - 2- lafaz ruju'
 - 3- suami
- Manakala Talak ialah sebab bukannya rukun

الرجعة**تعريفها:**

الرجعة لغة : المرة من الرجوع.

وشرعاً : رد المرأة إلى النكاح من الطلاق غير بائن في العدة على وجه مخصوص.

الدليل على مشروعيتها :

* والأصل فيه قبل الإجماع:

- قوله تعالى: ﴿وَيُعَوِّلْنَنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ﴾ أي في العدة ﴿إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا﴾ أي رجعة

كما قاله الإمام الشافعي رحمته الله

- قوله عليه الصلاة والسلام : أتاني جبريل، فقال: راجع حفصة فإنها صوامة وإنها زوجتك في الجنة.^{١٠}

أركان الرجعة

* أركانها ثلاثة :

- ١- محل (الزوجة)
 - ٢- صيغة (اللفظ الذي تتم به الرجعة)
 - ٣- مُرْتَجِع (الزوج)
- وأما الطلاق فهو سبب لا ركن.

^٩ سورة البقرة : الآية ٢٢٨
^{١٠} رواه الطبراني

Syarat Ruju'**Pertama – Isteri**

Syarat sah ruju' ada enam:

- 1- Perceraian itu bukan talak tiga.
- 2- Perceraian itu berlaku selepas isteri disetubuhi.
 - sekiranya perceraian itu sebelum disetubuhi, maka tidak boleh ruju'
- 3- Perceraian itu bukan dengan cara tebus talak.
 - sekiranya perceraian itu dengan cara tebus talak, maka tidak boleh ruju'
- 4- Ruju' berlaku sebelum berakhirnya tempoh 'idah.
- 5- Isteri yang dicerai masih halal bagi suaminya.
 - Sekiranya suami yang masih kafir yang merujuk isterinya yang memeluk Islam, hukumnya tidak sah. atau isteri yang islam itu murtad maka tidak sah ruju'nya ketika murtad itu, ini kerana maksud ruju' ialah isteri menjadi halal sedangkan murtad menafikannya.
 - Begitu juga apabila suami isteri yang salah satu murtad atau kedua-duanya sama-sama murtad – hukumnya tidak sah.
 - ** Salah seorang daripada suami isteri yang berpindah ke agama lain akan menghalang kekalnya pernikahan.
- 6- Isteri yang dicerai itu telah ditentukan (untuk diruju').
 - Seorang suami yang menceraikan salah seorang isterinya tanpa dijelaskan mana yang dicerai. Setelah dia meruju'nya tidak jelas pula, atau menceraikan kedua-duanya kemudia dia meruju' salah satunya tanpa menjelaskan isteri mana yang diruju', maka hukumnya tidak sah. ini kerana ruju' tidak berlaku ketika kesamaran seperti hukum perceraian kerana ruju' itu seumpama nikah, ianya tidak sah jika ada kesamaran. Sekiranya dia telah menentukan isteri yang diruju' kemudian lupa maka tidak sah juga mengikut pendapat yang paling tepat.

شروط صحة الرجعة

* أولا : محل.

شروط صحة الرجعة أربعة (ترك خامسا وسادسا):

١- أن يكون الطلاق دون الثلاث

٢- أن يكون الطلاق بعد الدخول بها

— إن كان قبله فلا رجعة له لبيئونها.

٣- أن لا يكون الطلاق بعوض منها أو من غيرها

— إن كان على عوض فلا رجعة.

٤- أن تكون الرجعة قبل انقضاء العدة.

٥- أن تكون المطلقة قابلة للرجل للمراجع.

— فلو أسلمت الكافرة واستمر زوجها وراجعها في كفره لم يصح، أو ارتدت المسلمة لم

تصح مراجعتها في حال ردتها، لأن مقصود الرجعة الحل والردة تنافيه، وكذا لو ارتد

الزوج أو ارتدا معا، وضابط ذلك انتقال أحد الزوجين إلى دين يمنع دوام النكاح.

٦- أن تكون المطلقة معينة

— لو طلق إحدى زوجتيه وأبهم ثم راجع إحداهما، أو طلقهما معا ثم راجع إحداهما لم

تصح مع الرجعة إذ ليست الرجعة في احتمال الإبهام كالطلاق لشبهها بالنكاح،

وهو لا يصح مع الإبهام ولو تعينت ونسيت لم تصح رجعتها أيضا في الأصح.

- Apabila suami menceraikan isterinya bukan dengan cara tebus talak dengan satu atau dua talak selepas menyetubuhinya, maka boleh ruju' isterinya tanpa memerlukan keizinannya selagi tidak habis tempoh 'idahnya kerana firman Allah s.w.t: *"Apabila kamu mentalak isteri-isterimu, lalu habis masa iddahnya, Maka janganlah kamu (para wali) menghalangi mereka kahwin lagi dengan bakal suaminya [sama ada bekas suami atau lelaki lain]"*.

Kedua – Suami

Disyaratkan pada suami ialah:

- 1- Suami itu boleh membuat pilihan sendiri, maka tidak sah ruju' orang yang dipaksa.
- 2- Suami itu mempunyai kelayakan berkahwin, maka tidak sah ruju' orang yang gila.

Ketiga – Sighah (lafaz yang boleh difahami maksudnya atau seumpamanya)

Disyaratkan pada sighah ialah:

- 1- berbentuk secara langsung, seperti kata suami : "Aku ruju' kamu kembali".
- 2- bukan bertempoh, seperti kata suami : "Aku ruju' kamu kembali selama sebulan", "Aku ruju' kamu kembali sekiranya kamu mahu" lalu isterinya menjawab: "Aku mahu" , ini tidak berlaku ruju'.

- Sunat adanya saksi ketika ruju' – untuk keluar daripada pendapat yang mengatakan wajib adanya saksi. Sebenarnya perkara tersebut tidaklah wajib kerana ruju' adalah mengekalkan perkahwinan terdahulu.

- Namun saksi itu wajib bagi nikah kerana menghalalkan persetubuhan.

****** وإذا طلق الزوج امرأته بغير عوض منها طلقة واحدة أو اثنين بعد وطئها فله مراجعتها بغير إذنها ما لم تنقص عدتها لقوله تعالى : **وَإِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَّغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحْنَ أَزْوَاجَهُنَّ** ^{١١} ولو كان حق الرجعة باقيا لما كان يباح لهن النكاح

ثانيا : المرتجع.

* شرط في المرتجع:

- ١- أن يكون مختارا. - لا تصح الرجعة من مكره.
- ٢- أن يكون أهلية النكاح بنفسه، وإن توقف على إذن. - لا تصح الرجعة من مجنون.

ثالثا : الصيغة (لفظ يشعر بالمراد به أو في معناه).

* شرط في الصيغة:

- ١- تنجيز : كقوله : " راجعتك إليّ " .
 - ٢- عدم التأقيت :
- كقوله : [راجعتك شهرا] أو [راجعتك إن شئت] ، فقالت الزوجة : " شئت " لم تحصل الرجعة.

- سن إظهارها عليها خروجها من خلاف من أوجبه وإنما لم تجب، لأنها في حكم استدامة النكاح السابق
- وإنما وجب الإظهار على النكاح لإثبات الفراش وهو ثابت هنا.

^{١١} سورة البقرة : الآية ٢٣٢

Sighah ini ada dua bentuk:

1- Sorih (jelas):

i) seperti suami berkata: “Kamu kembali kepadaku”, “Aku ruju’ kamu”, “Aku pegang kamu” atau “Aku kembali pada kamu”.

ii) perkataan yang mempunyai maksud tersebut iaitu perkataan terbitan daripada raja’a seperti “kamu diruju’ kembali”.

2- Kinayah (kiasan): seperti “Aku kahwini kamu”.

- Apabila habis tempoh ‘idah isteri, maka suami boleh mengahwini kembali perempuan itu dengan akad nikah yang baru kerana ianya telah putus ikatan perkahwinannya ketika itu.

- Apabila habis tempoh ‘idah perempuan itu kemudian berkahwin semula maka suami itu hanya mempunyai bilangan talak yang masih ada padanya sahaja, kerana diriwayatkan daripada Umar r.a bahawa beliau menfatwakan sedemikian dan diterima oleh sekumpulan para sahabat.

- Disunatkan mempunyai saksi ketika ruju’ untuk meraikan orang yang mewajibkannya. Sebenarnya saksi ini tidak wajib kerana perkahwinan itu masih berkekalan.

Hukum Talak Tiga

- Apabila suami menceraikan isterinya dengan talak tiga – serentak atau satu demi satu sebelum atau selepas menyetubuhinya – perempuan itu tidak halal baginya kecuali selepas ada lima syarat:

- 1) Habis ‘idahnya daripada suami yang menceraikannya.
- 2) Perempuan itu dikahwini oleh lelaki lain.
- 3) Lelaki itu menyetubuhinya dengan memasukkan hasyafah (kepala zakar) atau kadarnya.
- 4) Berceraian dengan suami keduanya.
- 5) Habis ‘idah perempuan itu daripada suami keduanya.

* صيغة الرجعة نوعان:

(أ) صريح :

(١) كقوله : " رددتُكِ إِلَيَّ " و " راجعتُكِ " و " ارتجعتُكِ " و " أمسكتُكِ " و

"أرجعتكِ " .

(٢) وفي معناها سائر ما اشتق من مصدرها – كأنتِ مراجعة.

(ب) كناية : كقوله : " تزوجتُكِ " و " نكحتُكِ " .

– فإذا انقضت عدتها كان له إعادة نكاحها بعقد جديد لبيئتها حينئذ.

– وإذا انقضت عدتها ثم جدد نكاحها تكون معه على ما بقي له من عدد الطلاق لما روى

عمر رضي الله عنه : " أنه أفتي بذلك " ووافقته جماعة من الصحابة.

– ويسن الإشهاد على الرجعة خروجاً من خلاف من أوجبه، وإنما لم تجب لأنها في حكم

استدامة النكاح.

* حكم الطلاق الثلاث

– فإذا طلقها ثلاثاً – معا أو مرتباً قبل الدخول أو بعده – لم تحل له إلا بعد وجود خمسة

شروط:

(١) انقضاء عدتها من المطلق (الزوج الأول)

(٢) تزوجها بغيره (الزوج الثاني)

(٣) دخول بها وإصابتها بدخول حشفة أو قدرها من مقطوعها.

(٤) بينوتها من الزوج الثاني – بطلاق أو فسخ

(٥) انقضاء عدتها منه – لاستبراء رحمها.

الأسئلة:

س ١ - ضع علامة (V) أمام العبارة الصحيحة وعلامة (X) أمام العبارة الخطأ
معللاً لاختيارك:

أ) إن طلق إحدى زوجتيه وأبهم ثم راجع إحداهما، تصح الرجعة.

ب) إن طلق زوجته قبل الدخول ثم راجعها، صحت الرجعة.

ج) قال لها: إن شئت راجعتك فقالت: شئتُ ، لم تحصل الرجعةُ.

س ٢ - اختر الإجابة الصحيحة مما بين القوسين معللاً أو مدلاً لاختيارك:
أ) انقضت عدتها ثم جدد نكاحها.

(تكون معه على ما بقي له من عدد الطلاق - تستأنف عدد الطلقات -

بيطل نكاحها)

ب) طلقها بعوض منها.

(لا رجعة عليها - يجوز له أن يراجعها - الوجهان قيل بهما).

ج) طلق إحدى زوجاته وعينها ثم نسيت.

(تصح رجعتها - لا تصح رجعتها - القولان صحيحان)

س ٣ - ما الرجعة؟ وما دليلها؟ وما أركانها؟ وما شروط صحة الرجعة؟

وما الحكم إذا طلق الرجل امرأته طليقة واحدة أو اثنتين؟ مع ذكر الدليل.

وما الذى يتوقف عليه حل المطلقة طليقة واحدة أو اثنتين؟ وما شروط المرتجع؟

وما شرط الصيغة؟ وما شروط حل المطلقة ثلاثاً؟

'IDDAH**Pengertian 'Iddah'**

- 'Iddah dari segi **bahasa** : diambil daripada perkataan 'adada (bilangan) kerana biasanya ia mengandungi beberapa bilangan Quru' atau bulan.
- Dari segi **syara'** : nama bagi "tempoh perempuan menunggu suci rahimnya atau kerana ibadat (mematuhi perintah Allah) ataupun kerana bersedih atas kematian suaminya.

Dalil disyariatkan 'Iddah

Dalil syara' sebelum disepakati oleh ulama:

1- Firman Allah s.w.t:

"Wanita-wanita yang ditalak hendaklah menahan diri (menunggu) tiga kali quru'[Suci atau haidh]."

(al Baqarah :228)

2- Firman Allah s.w.t:

"Orang-orang yang meninggal dunia di antaramu dengan meninggalkan isteri-isteri (hendaklah para isteri itu) menangguhkan dirinya (ber'iddah) empat bulan sepuluh hari."

(al Baqarah :234)

3- Firman Allah s.w.t:

"dan perempuan-perempuan yang hamil, waktu iddah mereka itu ialah sampai mereka melahirkan kandungannya."

(al Talaq :4)

4- Sabda nabi s.a.w kepada Subai'ah al Aslamiah yang melahirkan anak berusia setengah bulan selepas kematian suaminya: "Kamu sudah boleh berkahwin lain, maka kahwinilah orang yang kamu ingini".

Hikmat disyariatkan 'Iddah:

- 1) Menjaga keturunan
- 2) Memeliharanya daripada bercampur gaul dengan lelaki
- 3) Meraikan hak suami isteri, anak dan bakal suami kedua.
- 4) Perkara utama dalam 'Iddah ialah ibadat kerana Allah s.w.t

العِدَّة**تعريف العدد:**

* العدد جمع عدة لغة: مأخوذ من العدد لاشتمالها على عدد من الأقراء أو الأشهر غالباً. وشرعاً: اسم لمدة تترىب فيها المرأة لمعرفة براءة رحمها أو للتعبد أو لتفجعها على زوجها.

الدليل على مشروعيتها:

* والأصل فيها قبل الإجماع ما يلي:

١- قوله تعالى: ﴿وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ﴾^{١٢}

٢- قوله تعالى: ﴿وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا﴾^{١٣}

٣- قوله تعالى: ﴿وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ﴾^{١٤}

٤- قوله ﷺ: لسبببعة الأسمية وقد وضعت بعد موت زوجها بنصف شهر: قد خللت، فانكحي من شئت.

حكمة مشروعيتها:

(١) صيانة للأنساب

(٢) تحصينها لها من الاختلاط

(٣) رعاية لحق زوجين والولد والناكح الثاني

(٤) المغلب فيها التعبد - بدليل أنها لا تنقضي بقرء واحد مع حصول البراءة به

^{١٢} سورة البقرة: الآية ٢٢٨

^{١٣} سورة البقرة: الآية ٢٣٤

^{١٤} سورة الطلاق: الآية ٤

Jenis Perempuan yang Ber'iddah

Perempuan yang ber'iddah ada dua jenis:

- 1- Perempuan yang kematian suaminya
- 2- Perempuan yang bukan kematian suaminya

* Pertama: Perempuan yang kematian suaminya

1) sekiranya ia **hamil** maka 'iddahnya berakhir dengan melahirkan anak – anak itu keluar keseluruhannya dari perut ibunya, jika anak kembar anak keduanya telah keluar dari perut ibunya – berdasarkan firman Allah s.w.t:

“dan perempuan-perempuan yang hamil, waktu iddah mereka itu ialah sampai mereka melahirkan kandungannya.”
(al Talaq: 4)

2) sekiranya ia **tidak hamil** maka 'iddahnya 4 bulan 10 hari, berdasarkan firman Allah s.w.t: *“Orang-orang yang meninggal dunia di antaramu dengan meninggalkan isteri-isteri (hendaklah para isteri itu) menangguhkan dirinya (ber'iddah) empat bulan sepuluh hari.”*

(al Baqarah: 234)

* Kedua: Perempuan yang bukan kematian suaminya

1) sekiranya ia **hamil** maka 'iddahnya berakhir dengan melahirkan anak berdasarkan firman Allah s.w.t:

“dan perempuan-perempuan yang hamil, waktu iddah mereka itu ialah sampai mereka melahirkan kandungannya.”
(al Talaq: 4)

2) sekiranya ia **tidak hamil** – ianya adalah perempuan yang berhaid - maka 'iddahnya 3 kali Quru', berdasarkan firman Allah s.w.t:

“Wanita-wanita yang ditalak hendaklah menahan diri (menunggu) tiga kali quru' [Suci atau haidh]..”
(al Baqarah: 234)

- **Quru'** ialah waktu suci atau haid. Yang dimaksudkan di sini ialah “waktu suci” berdasarkan firman Allah s.w.t:

“Maka hendaklah kamu ceraikan mereka pada waktu mereka dapat (menghadapi) iddahnyanya (yang wajar)[diwaktu Suci sebelum dicampuri] dan hitunglah waktu iddah itu”.
(al Talaq: 4)

- ini kerana 'cerai ketika haid' adalah haram maka masa yang dibenarkan cerai ialah ketika suci – jadi quru' disini bermaksud suci.

أضرب المعتدة:

المعتدة على ضربين : (١) المتوفى عنها زوجها (٢) غير متوفى عنها زوجها
* أولا : المتوفى عنها زوجها:

١- إن كانت حاملا ، فعدتها بوضع الحمل – بانفصاله كله حتى ثاني توأمين.

- لقوله تعالى : وَأُولَتْ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ^{١٥}

٢- إن كانت حائلا، فعدتها أربعة أشهر وعشرا

- لقوله تعالى : وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذُرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا^{١٦}

* ثانيا: غير متوفى عنها زوجها:

١- إن كانت حاملا، فعدتها بوضع الحمل.

- لقوله تعالى : وَأُولَتْ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ^{١٧}

٢- إن كانت حائلا، وهي من ذوات الحيض، فعدتها ثلاثة قروء. أربعة

- لقوله تعالى : وَالْمُطَلَّقاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ^{١٨}

* والقروء هو الطهر أو الحيض. ويراد به هنا الأطهار

- لقوله تعالى : فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ^{١٩}

* الطلاق في الحيض حرام فيصرف الإذن إلى زمن الطهر.

^{١٥} سورة الطلاق : الآية ٤

^{١٦} سورة البقرة : الآية ٢٣٤

^{١٧} سورة الطلاق : الآية ٤

^{١٨} سورة البقرة : الآية ٢٢٨

^{١٩} سورة الطلاق : الآية ١

3) **Perempuan kecil atau yang tidak datang haid** lagi: maka 'iddahnya 3 bulan, berdasarkan firman Allah s.w.t:

“Dan perempuan-perempuan yang tidak haid lagi (monopause) di antara perempuan-perempuanmu jika kamu ragu-ragu (tentang masa iddahnya), Maka masa iddah mereka adalah tiga bulan; dan begitu (pula) perempuan-perempuan yang tidak haid.”

(al Talaq: 4)

4) **Perempuan yang dicerai sebelum disetubuhi** – tidak ada 'iddah baginya, berdasarkan firman Allah s.w.t:

“Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu menikahi perempuan-perempuan yang beriman, Kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu mencampurinya Maka sekali-sekali tidak wajib atas mereka 'iddah bagimu yang kamu minta menyempurnakannya.”

(al Ahzab: 49)

Perkara yang wajib disediakan untuk isteri yang ber'iddah:

* **Pertama:** Perkara yang wajib disediakan untuk isteri yang raj'i

- Perkara yang wajib disediakan untuk isteri yang ber'iddah, yang raj'i serta tidak derhaka pada suami:

- 1) Tempat tinggal
- 2) nafkah (makan dan minum)
- 3) Pakaian
- 4) Semua hak isteri kecuali peralatan membersihkan (termasuk alat kosmetik), kerana masih kekal ikatan perkahwinan dan hak-haknya.

* **Kedua:**Perkara yang wajib disediakan untuk isteri yang dicerai talak tiga:

- Perkara yang wajib disediakan untuk isteri yang dicerai talak tiga, tidak hamil dan tidak derhaka pada suami ialah tempat tinggal tanpa nafkah dan pakaian, berdasarkan firman Allah s.w.t:

“Tempatkanlah mereka (para isteri) di mana kamu bertempat tinggal menurut kemampuanmu”.

(al Talaq: 6)

- Manakala isteri yang dicerai talak tiga itu hamil, maka wajib baginya nafkah dengan sebab hamil – mengikut salah satu daripada dua pendapat ulamak – apabila keduanya (suami isteri) mengesahkan kehamilannya atau disaksi oleh empat perempuan.

٣- صغيرة أو آيسة، فعدتها ثلاثة أشهر.

٤- لقوله تعالى: ﴿وَالَّتِي يَسَنَ مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نَسَائِكُمْ إِنْ أَرْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَالَّتِي لَمْ تَحْضَنْ﴾^{٢٠}

٤- مطلقة قبل الدخول لا عدة عليها.

٤- لقوله تعالى: ﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُونَهَا﴾^{٢١}

ما يجب للمعتدة

* أولا – ما يجب للرجعية:

يجب للمعتدة الرجعية غير الناشئة:

(١) السكنى (٢) النفقة (٣) الكسوة

(٤) سائر حقوق الزوجية إلا آلة التنظيف لبقاء حسن النكاح وسلطنته

* ثانيا – ما يجب للبائن:

يجب للبائن الحائل غير الناشئة: (١) السكنى دون النفقة (٢) الكسوة

٢٢- لقوله تعالى: أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ

• أما البائن الحامل فيجب لها من النفقة بسبب الحمل – على أظهر القولين – إذا توافقا على الحمل أو شهد به أربع نسوة.

^{٢٠} سورة الطلاق: الآية ٤

^{٢١} سورة الأحزاب: الآية ٤٩

^{٢٢} سورة الطلاق: الآية ٦

***Catatan tambahan:

- **Isteri ber'iddah yang derhaka pada suami** – sama ada cerai raj'i atau talak tiga – maka ia tidak mendapat apa-apa daripada nafkah, tempat tinggal dan lain-lain.
- Isteri ber'iddah kerana kematian suami, sekiranya ia **hamil** maka tidak ada nafkah baginya, berdasarkan hadis: *“Tidak wajib diberi nafkah bagi perempuan hamil yang kematian suaminya”*.

Ketiga : Perkara yang wajib ke atas isteri yang kematian suaminya

ж Perkara yang wajib ke atas isteri yang kematian suaminya:

1) **Berkabung**, berdasarkan hadis sahih :

“Haram bagi perempuan yang beriman dengan Allah dan hari akhirat berkabung atas kematian seseorang lebih daripada tiga hari kecuali berkabung atas kematian suaminya selama 4 bulan 10 hari”.

- maka wajib ia berkabung mengikut sepakat ulamak.

Berkabung

- Berkabung dari segi **bahasa**: menegah.

- Dari segi **istilah**: Tegahan berhias dan memakai wangian

- 1) **Tegahan berhias pada tubuh badan** dengan perhiasan emas atau perak, sama ada perhiasan itu besar seperti gelang kaki atau perhiasan kecil seperti cincin, berdasarkan hadis nabi s.a.w : *“Isteri yang kematian suami tidak boleh memakai perhiasan, bercelak dan berinai”*.
- 2) **Larangan menggunakan wangian di badan dan pakaian**, berdasarkan hadis sahih daripada Ummi 'Atiah : *“Kami dilarang berkabung atas kematian seseorang lebih daripada tiga hari kecuali berkabung atas kematian suaminya selama 4 bulan 10 hari, juga kami dilarang bercelak, memakai wangian dan memakai pakain berwarna”*.

- begitu juga haram menggunakan wangian pada makanan dan celak.

- Penetapan pengharaman ini ialah setiap perkara yang haram dilakukan oleh orang berihram maka haram juga bagi isteri yang kematian suami melakukannya.

- Dikecualikan hukum “larangan menggunakan wangian” ialah menggunakan sedikit wangian (kasturi) ketika bersuci selepas berhenti haid atau nifas

- Haram perempuan ini meminyakkan rambutnya kerana perbuatan tersebut adalah berhias

- Harus bercelak dengan celak batu (warna hitam kemerahan) dan jadam²³ (celek warna kekuningan) sekiranya ada keperluan. maka ia bercelak di waktu malam dan membersihkannya di waktu siang kerana nabi s.a.w mengizinkan kepada ummi Salamah bercelak dengan jadam waktu malam, begitu juga diharuskan waktu siang sekiranya diperlukan.

²³ sejenis ubat berwarna hitam yang digunakan untuk (dibuat daripada kayu gaharu atau daun lidah buaya)

* **تنبهات:**

- المعتدة الناشزة - رجعية كانت أو بائة - فلا شيء عليه من النفقة والسكنى وغيرها.
- المعتدة عن وفاة وإن كانت حاملا فلا نفقة لها - لخبر : ليس الحامل المتوفى عنها زوجها نفقة.

* **ثالثا - ما يجب على المتوفى عنها زوجها:**

يجب على المتوفى عنها زوجها:

- (1) **الإحداد** - لخبر الصحيحين : لا يحل لامرأة تؤمن بالله واليوم الآخر أن تحد على ميت فوق ثلاث إلا على زوج أربعة أشهر وعشرا - فيجب لها الإحداد عليه بالإجماع.

الأحداد:

الإحداد لغة : المنع

واصطلاحا : الامتناع من الزينة والطيب

- (1) **الامتناع من الزينة في البدن** - بحلي من ذهب أو فضة، سواء كبيرا كالخلخال أو صغيرا كالحاتم - لقوله ﷺ : "المتوفى عنها زوجها لا تلبس الحلي ولا تكتحل ولا تختضب".

- (2) **الامتناع من استعمال الطيب في بدن أو ثوب** - لخبر الصحيحين عن أم عطية : "كنا نُنحَى أن نُحِدَّ على ميت فوق ثلاث إلا على زوج أربعة أشهر وعشرا، وأن نكتحل، وأن نتطيب، وأن نلبس ثوبا مصبوغا".

- وكذا يحرم استعمال الطيب في طعام وكحل،

والضابط فيها : كل ما حرم على المحرم حرم على المتوفى عنها زوجها استعمالها.

- واستثنى استعمالها عند الطهر من الحيض أو النفاس قليلا من قسط أو أظفار.

- ويحرم عليها دهن شعرها لأن فيه جمالا وزينة.

- ويجوز الاكتحال بالأئمد والصبر لحاجة، فتكتحل ليلا وتمسح نهارا لأنه ﷺ "أذن لأم سلمة في الصبر ليلا"، وكذا يجوز نهارا إن احتاجت إليه.

3) Sentiasa berada di dalam rumah

- wajib ke atas isteri kematian suami dan isteri yang dicerai – sama ada cerai dua talak atau tiga talak – sentiasa berada di rumah, berdasarkan firman Allah s.w.t:

“Janganlah kamu keluarkan mereka dari rumah mereka dan janganlah mereka (diizinkan) ke luar kecuali mereka mengerjakan perbuatan keji yang terang [mengerjakan perbuatan-perbuatan pidana, berkelakuan tidak sopan terhadap mertua, ipar, besan dan sebagainya]”. (al Talaq : 1)

*** Catatan tambahan:

- Suami atau orang lain tidak boleh menghalau isteri ini dari rumah tempat tinggalnya semasa berpisah dan perempuan ini juga tidak boleh keluar dari rumah tersebut sekalipun diizinkan oleh suami kecuali kerana sebab yang dibenarkan kerana 'iddah adalah hak Allah dan hak Allah tidak digugurkan dengan keizinan seseorang.

- Tidak boleh suami berkhalwat dengan isteri ber'iddah, lebih-lebih lagi beristimta' dengannya (hubungan intim suami isteri) kerana ia bukan seperti isteri.

- Dikecualikan hukum “isteri wajib duduk di rumah” ialah sekiranya ada keperluan maka isteri boleh keluar rumah semasa 'iddah kematian suami.

- Penetapan kewajipan ini ialah setiap isteri ber'iddah yang tidak wajib diberi nafkah dan tidak ada orang yang dapat menunaikan keperluan hariannya, maka harus baginya keluar waktu siang untuk mendapatkan keperluannya seperti membeli, menjual dan lain-lain.

- Manakala isteri yang wajib diberikan nafkah, maka ia tidak boleh keluar kecuali dengan izin atau terpaksa.

(٣) ملازمة البيت:

يجب على المتوفى عنها زوجها والمبتوتة - بينونة صغرى أو كبرى - ملازمة البيت.

• لقوله تعالى: لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا يُخْرِجَنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُّبِينَةٍ^{٢٤}

* تنبيهات:

- ليس للزوج ولا غيرها إخراج الزوجة عن البيت الذي كانت فيه عند الفرقة ولا لها الخروج منه وإن رضي به الزوج إلا لعذر لأن في العدة حقاً لله تعالى. والحق الذي لله تعالى لا يسقط بالتراضي.

- لا يجوز للزوج الخلوة بالمعتدة فضلاً عن الاستمتاع، فليست كالزوجة.

- ويستثنى من وجوب "ملازمة البيت" (إلا للحاجة)، فيجوز لها الخروج في عدة وفاة.

• ضابط ذلك: كل معتدة لا تجب نفقتها ولم يكن لها من يقضيها حاجتها - لها الخروج نهاراً

للحاجة كسراء وبيع وغير ذلك.

- أما من وجبت نفقتها فلا تخرج إلا بإذن أو ضرورة.

التدريبات:

س ١ - ضع خط تحت ما لا ينتمي إلى مجموعته مع التعليل:

- أ) كحل أصفر - سلسلة من لؤلؤ - كحل أبيض - ثوب أخضر براق.
ب) متحيرة - آيسة - مستحاضة غير متحيرة - واضعة حملها لدون ستة أشهر.
ج) بائن ناشز - متوفى عنها زوجها - بائن حامل - بائن نشزت في العدة.
د) معتدة عن وفاة - معتدة عن فسخ - معتدة عن نكاح فاسد - معتدة رجعية.
هـ) مطلقة قبل الدخول - متوفى عنها قبل الدخول - مطلقة ثلثا - مطلقة ناشز.

س ٢ - أكتب ما يطلب منك:

- أ) النقاء الواقع بين دَمَي حيض (المصطلح).
ب) لا إحداد على المتوفى عنها زوجها (الصورة).
ج) يحرم على معتدة الوفاة الطيب (الضابط).
د) لأنه لا يجوز له الخلوة بها (الحكم المعلن).
هـ) المطلقة الرجعية عدتها عدة فراق (تغير الحكم).

RADA' (PENYUSUAN)

Pengertian Rada' :

Dari segi bahasa ialah kata nama bagi hisapan buah dada perempuan serta meminum susunya.

Dari segi syara': kata nama bagi "sampainya susu perempuan tertentu atau hasil daripada susu tersebut ke perut kanak-kanak tertentu.

Dalil pensyariatan Rada' (penyusuan)

* Dalil pengharaman berkahwin disebabkan susuan sebelum ianya disepakati oleh ulamak

1- Firman Allah s.w.t:

"Diharamkan atas kamu (mengawini) ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan²⁷; saudara-saudaramu yang perempuan, Saudara-saudara bapakmu yang perempuan; Saudara-saudara ibumu yang perempuan; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang laki-laki; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan; ibu-ibumu yang menyusui kamu; saudara perempuan sepersusuan"

2. Sabda nabi saw: "Diharamkan berkahwin disebabkan hubungan susuan sepertimana diharamkan kahwin disebabkan nasab".

Hikmah pengharaman ini

Susu ibu susuan umpama air maninya dari segi nasab/keturunan, maka ia telah menjadi sebahagian daripada kanak-kanak susuan begitu juga kanaka-kanak itu menjadi sebahagian daripadanya.

Rukun Rada' ada tiga

- 1- Perempuan yang menyusui
- 2- Kanak-kanak
- 3- Air susu

Syarat bagi Perempuan yang menyusui

- 1- Perempuan yang belum berkahwin atau telah berkahwin
- 2- perempuan itu masih hidup ketika berpisah susu daripadanya
- 3- perempuan itu berusia sekurang-kurangnya 9 tahun..

²⁷ maksud ibu di sini ialah ibu, nenek dan seterusnya ke atas. dan yang dimaksud dengan anak perempuan ialah anak perempuan, cucu perempuan dan seterusnya ke bawah, demikian juga yang lain-lainnya. sedang yang dimaksud dengan anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu, menurut Jumhur ulama termasuk juga anak tiri yang tidak dalam pemeliharaannya.

الرضاع

تعريفه:

لغة: اسم لمص الثدي وشرب لبن.

وشرعا: اسم لحصول لبن امرأة، أو ما حصل منه في معدة طفل أو دماغه.

الدليل على مشروعيته:

* والأصل في تحريمه قبل الإجماع :

١ - قوله تعالى : (حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ

وَبَنَاتُ الْأَخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمُ اللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتُكُم مِّنَ الرَّضَاعَةِ ^{٢٥}

٢ - قوله ﷺ : "يحرم من الرضاع ما يحرم من النسب" ^{٢٦}.

أركان الرضاع

أركانه ثلاثة

٣. لبن

٢. رضيع

١. مرضع

ما يشترط في المرضعة

١. امرأة آدمية، خلية كانت أو مزوجة.

٢. الحية حياة مستقرة حال انفصال لبنها

٣. بلغت تسع سنين قمرية تقريبا، وإن لم يحكم ببلوغها بذلك بلبنها، ولو كان لبنها

متغيرا عن هيئة انفصاله عن الثدي بجموضة أو غيرها

^{٢٥} سورة البقرة : الآية ٢٢٨

^{٢٦} رواه البخاري

- Pengecualian “**perempuan itu masih hidup**” : Susu daripada perempuan yang telah mati, maka ianya tidak berlaku pengharaman ini kerana ianya dari susu mayat yang terpisah daripada hukum halal dan haram. Ini berbeza pendapat bagi tiga imam mazhab lain.
- Pengecualian “**perempuan**” : Binatang, sekiranya kanak-kanak menyusu dari seekor kambing, maka tidak disabitkan pengharaman itu.
- Pengecualian “**perempuan itu berusia sekurang-kurangnya 9 tahun**” : Sekiranya ada susu bagi perempuan yang kurang 9 tahun usianya dan menyusukan kanak-kanak maka tidak disabitkan pengharaman itu. Sekiranya diperah susu perempuan tersebut sebelum matinya dan disewa (diberi minum) kepada kanak-kanak, maka ianya haram kerana berpisah susu dari perempuan itu semasa masih hidup.

Syarat bagi anak susuan

- 1- Kanak-kanak itu berusia kurang dua tahun (kiraan tahun hijrah). Berdasarkan hadis : “Tidak sah penyusuan kecuali Kanak-kanak itu berusia kurang dua tahun”
- 2- kanak-kanak itu disusu oleh perempuan sebanyak 5 kali susuan yang berasingan. Berdasarkan hadis riwayat Muslim daripada Aisyah r.ha: “Terdapat penjelasan yang diturunkan oleh Allah swt di dalam al Quran iaitu 10 kali susuan yang telah diketahui tentang “pengharaman berkahwin disebabkan susuan” itu telah dinasakahkan (dibatalkan dan diganti) dengan 5 kali susuan yang berasingan, sehinggalah Rasulullah saw wafat. Semua itu (Perempuan yang menyusu dan bilangan susuan) terdapat penjelasannya di dalam al Quran.
 - **5 kali susuan** : Penetapannya adalah mengikut ‘uruf (kebiasaan orang ramai), kerana tidak ada penetapan dari sudut bahasa dan juga sudut syarak. Perkara itu kembali kepada ‘uruf. Apa yang diputuskan sebagai satu susuan atau beberapa susuan maka ianya diterima dan begitulah sebaliknya.
- 3- Air susu itu (setiap kali daripada 5 kali susuan) sampai ke perut kanak-kanak tersebut.
 - Sekiranya tidak sampai ke perut maka tidak ada (pengharaman berkahwin disebabkan susuan)
 - Sekiranya susu itu sampai ke perut kemudian ia muntah, maka berlakulah (pengharaman berkahwin disebabkan susuan)

- وخرج بقوله: الحية: لبن الميتة فإنه لا يحرم، لأنه من لبن جثة منفكة عن الحل والحرمه، خلافا للأئمة الثلاثة،
- وبالمراة: البهيمه، فلو ارتضع صغيران من شاة لا يثبت به تحريم،
- وباستكمال تسع سنين تقريبا: ما لو ظهر لصغيرة دون ذلك لبن وارتضع به طفل فلا يثبت به تحريم، ولو حلب لبن المرأة المذكورة قبل موتها وأوجر لطفل حرم لانفصاله منها في الحياة.

يشترط في الرضيع

١. أن يكون له دون الحولين.

- لخبر "لا رضاع إلا ما كان في الحولين".^{٢٨}

٢. أن ترضعه خمس رضعات

لما روى مسلم عن عائشة رضي الله عنها : كان فيما أنزل الله تعالى في القرآن: عشر رضعات معلومات يحرمن فنسخن بخمس متفرقات معلومات فتوفي رسول الله صلى الله عليه وسلم ، وهن فيما يقرأ من القرآن.

* **الخمس رضعات**: ضبطهن بالعرف إذ لا ضابط لها في اللغة ولا في الشرع فرجع فيها إلى العرف فما قضى بكونه رضعة أو رضعات اعتبر وإلا فلا.

٣. وصول اللبن في الخمس إلى المعدة

- لو لم يصل إليها فلا تحريم

- لو وصل إليها وتقيأه ثبت التحريم.

^{٢٨} رواه الدارقطني وغيره

- 4- Kanak-kanak itu masih hidup dengan stabil ketika sampai air susu ke perutnya
 - Tidak ada apa-apa kesan sekiranya sampai susu itu ke perut kanak-kanak yang telah mati.

Kepada siapah berlakunya pengharaman berkahwin disebabkan susuan pada pihak anak susuan?

Berlakunya pengharaman berkahwin disebabkan susuan hanya terhadap keturunan anak susuan sahaja.

- Berlakunya pengharaman berkahwin disebabkan susuan kepada anak-anaknya sama ada anak kandung atau anak susuan
- Tidak berlaku pengharaman berkahwin disebabkan susuan kepada bapa ke atas dan saudara-saudaranya.
- Bapa kepada anak itu boleh mengahwini ibu susuan dan anak perempuan ibu susuan itu
- Suami bagi ibu susuan boleh mengahwini ibu kepada anak tersebut atau saudara perempuan kepada kanak-kanak tersebut

Kepada siapah berlakunya pengharaman berkahwin disebabkan susuan pada pihak ibu susuan?

Berlakunya pengharaman berkahwin disebabkan susuan pada ibu susuan dan suaminya kepada bapa kedua-duanya, anak kedua-duanya dan kerabat terdekat kedua-duanya.

- Ibu susuan itu menjadi ibunya dan suami kepada ibu susuan itu menjadi bapanya (bapa susuan)
- BSeseorang yang tidak boleh dianggap sebagai anak (seperti penzina) maka tidak boleh disabitkan "pengharaman berkahwin disebabkan susuan" dari pihaknya.
- Bapa/datuk kepada ibu susuan sama ada anak kandung atau anak susuan akan menjadi datuk kepada anak susuan itu, kerana pengharaman itu berlaku kepada pihak bapa/datuk.
- Ibu kepada ibu susuan sama ada anak kandung atau anak susuan akan menjadi nenek kepada anak susuan itu.
- Anak-anak kepada ibu susuan sama ada anak kandung atau anak susuan akan menjadi saudara kepada anak susuan itu, kerana pengharaman itu berlaku kepada pihak anak/cucu.
- Saudara-saudara kepada ibu susuan sama ada anak kandung atau anak susuan akan menjadi bapa dan ibu saudara kepada anak susuan itu, kerana pengharaman itu berlaku kepada pihak kerabat terdekat dengan ibu dan bapa susuan.

٤. كون الطفل حيا

- لا أثر للوصول إلى معدة الميت

إلى من تنتشر الحرمة من الرضيع؟

تنتشر الحرمة من الرضيع إلى فروعه فقط

- أي تنتشر الحرمة من الرضيع إلى أولاده سواء كانوا من النسب أم من الرضاع
- فلا تسري الحرمة إلى آباءه وإخوته
- فلأبيه وأخيه نكاح المرضعة وبناتها
- ولزوج المرضعة أن يتزوج بأم الطفل أو أخته

إلى من تنتشر الحرمة من المرضعة؟

تنتشر الحرمة من المرضعة والفحل أي زوجها، إلى أصولهما وفروعهما وحواشيهما.

- فتصير المرضعة أمه، ويصير زوجها الذي ينسب إليه الولد أبا له.
- أما من لم ينسب إليه الولد كالزاني فلا يثبت به حرمة من جهته.
- ويصير آباء المرضعة من نسب أو رضاع أجدادا للرضيع، لأن الحرمة تنتشر إلى أصولها .
- تصير أمهاتها من نسب أو رضاع جداته.
- يصير أولادها من نسب أو رضاع إخوته وأخواته، لأن الحرمة تنتشر إلى فروعها.
- يصير أخواتها من نسب أو رضاع أخواله وخالاته، لأن الحرمة تسري إلى حواشيهما.

Apakah yang diharamkan ke atas anak susuan itu? Apa puncanya.

Diharamkan ke atas anak susuan itu mengahwini ibu susuannya.

Alasan:

Kerana ibu susuan itu adalah ibunya (dari sudut susuan). Pengharaman ini telah dinyatakan di dalam al Quran. pengharaman berkahwin disebabkan susuan ini berlaku kepada setiap orang yang ada kaitan nasab dengannya, sama ada di sebelah pihak bapa/datuk atau di sebelah pihak anak/cucu.

Apakah yang diharamkan ke atas ibu susuan itu? Apa puncanya.

Diharamkan ke atas ibu susuan itu :

- 1- Mengahwini anak susuan kerana ia adalah anaknya (dari sudut susuan).
- 2- Mengahwini anak kepada anak susuan tersebut dan ke bawah sama ada anak kandung atau anak susuan kerana mereka adalah cucunya (dari sudut susuan). Bukan pihak yang sama kedudukan dengan anak susuan itu seperti **saudara kepada anak susuan itu**, maka tidak haram ibu susuan itu mengahwinya.

Alasan:

- 1- Kerana Pengharaman ini tidak berlaku kepada kerabat terdekat kepada anak susuan itu Bukan pihak yang lebih tinggi kedudukan daripada mereka seperti bapa/datuk anak susuan itu, kerana Pengharaman ini berlaku kepada bapa/datuk anak susuan itu.

ما الذي يحرم على الرضيع؟ وما العلة؟

يحرم على الرضيع: أن يتزوج بالمرضة،

العلة :

لأنها أمه من الرضاعة، فتحرم عليه بنص القرآن، وتنتشر الحرمة منها إلى كل من ناسبها، أي من انتسبت إليه من الأصول، أو انتسب إليها من الفروع.

ما الذي يحرم على المرضعة؟ وما العلة؟

يحرم على المرضعة :

١. التزويج إلى الرضيع ، لأنه ولدها

٢. التزويج إلى ولد الرضيع وإن سفل من نسب أو رضاع ، لأنهم أحفادها، دون من كان في درجة الرضيع كأخيه فلا يحرم عليها تزويجه .

العلة :

لأن الحرمة لا تنتشر إلى حواشيه، ودون من كان أعلى طبقة منهم كأبائه ، لأن الحرمة لا تنتشر إلى آبائه

Apakah yang boleh mensabitkan penyusuan?

Penyusuan boleh disabitkan dengan penyaksian:

Penyaksian 2 orang lelaki, seorang lelaki dan 2 orang perempuan atau 4 orang perempuan, kerana wanita lebih mengetahui perkara tersebut dengan cara melihat proses penyusuan (Ini sekiranya proses penyusuan itu dari buah dada perempuan).

Sekiranya penyusuan itu dengan cara memberi minum dengan bekas susu atau dengan cara sewaan: maka tidak diterima penyaksian perempuan semata-mata, kerana mereka tidak berkemahiran (berkaitan dengan perkara tersebut) dengan cara melihat proses penyusuan tersebut.

ما يثبت به الرضاع؟

يثبت الرضاع بالشهادة:

بشهادة رجلين، أو رجل وامرأتين، أو أربع نسوة، لاختصاص النساء بالإطلاع على الرضاع غالبا (هذا إذا كان الرضاع من الثدي).

أما إذا كان بالشرب من إناء أو كان بإيجار: فلا تقبل فيه شهادة النساء المتمحضات لأنهن لا اختصاص لهن بالإطلاع عليه في هذه الحالة

التدريبات:

س ١. اختر الإجابة الصحيحة مما بين القوسين معللاً لاختيارك:

أ- ارتضع صغيران من شاة.

(يثبت بينهما أخوة - لا يثبت بينهما أخوة - القولان)

ب- ارتضع صغيران من ميتة.

(يحصل التحريم - لا يحصل التحريم - يحصل التحريم مع الكراهة).

ج- حُلب لبن من امرأة حية ثم رضعه طفل بعد موتها.

(يحصل التحريم - لا يحصل التحريم - يكره ولا يحرم)

د- وصل اللبن في الخمس رضعات إلى المعدة وتقايأه.

(ثبت التحريم - لا يثبت التحريم - الوجهان).

س ٢. ما الرضاع؟ وما الأصل في تحريمه؟ وما الذى يشترط فى كل من :

(المرضعة - الرضيع)؟ بين ما يحرم على الرضيع والمرضعة.

PENZINAAN

Pengertian Hudud

Dari sudut **bahasa**: Hudud adalah kata jamak bagi "had", ertinya : mencegah.

Dari sudut **syarak** : Hukumana yang telah ditetapkan untuk mencegah melakukan perbuatan jahat.

Pengertian zina

Berlakunya hubungan kelamin yang sempurna di antara lelaki dan perempuan yang mukallaf, di mana tidak ada ikatan perkahwinan di antara kedua-duanya.

Hukumnya

Para ulama Islam sepakat tentang pengharaman zina. Ianya adalah antara seburuk-buruk dosa besar dan tidak pernah dihalakan dalam agama ini.

Dalilnya:

Firman Allah swt: " *Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina maka kamu sebatlah setiap dari keduanya sebanyak 100 sebatan*"

- Hukuman bagi penzina yang bukan muhsan ialah 100 sebatan dan dibuang daerah selama setahun.

Dibaca secara syaz (bacaan yang jarang dibaca): " *Orang tua lelaki dan perempuan apabila melakukan perbuatan zina maka rejamlah mereka berdua*".

Ayat ini bacaannya dinasakhkan dan hukumnya kekal dilaksanakan.

- Peristiwa direjam Maiz dan al Ghamidiayah seperti dinyatakan dalam hadis.

* Jika seseorang itu sebelum menjadi muhsan, dia telah melakukan zina, kemudian selepas menjadi muhsan, dia kembali melakukan zina. Hukumannya disebut kemudian direjam.

الزنا

تعريف الحدود

لغة : جمع "حد" بمعنى المنع

شرعا : عقوبة مقدرة وجبت زجرا عن ارتكاب ما يوجبه.

تعريف الزنا :

حصول معاشرة تامة بين رجل وامرأة مكلفين، لا يربط بينهما عقد نكاح.

حكمه:

اتفق أهل الملل على تحريمه، وهو من أفحش الكبائر، ولم يحل في ملة قط.

الدليل :

قول الله : ﴿الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ﴾^{٢٩}

- حد الزاني غير محصن : مائة جلدة وتعريب عام

وقرىء شاذًا: ﴿وَالشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ إِذَا زَنَيَا فَارْجُمُوهُمَا بَيِّنَةً﴾^{٣٠} وهذه نسخ لفظها وبقي

حكمها .

- رجم معز والغامدية كما جاء في الحديث.

* ولو زنى قبل إحصانه ولم يجد ثم زنى بعده جلد ثم رجم.

^{٢٩} سورة النور : ٢

^{٣٠} رواه ابن ماجه وصححه الحاكم في المستدرک.

Jenis orang yang berzina berdasarkan hukumannya:

Jenis	Pengertiannya	Hukuman zina	Dalilnya
Muhsan	Orang yang cukup syarat-syarat ihson	Direjam sehingga mati mengikut sepakat ulamak	Peristiwa direjam Ma'iz dan al Ghamidiyah seperti dinyatakan dalam hadis
Bukan Muhsan	Orang yang tidak cukup syarat-syarat ihson	- Apabila ia adalah seorang merdeka, hukumannya 100 sebatan dan dibuang daerah selama setahun. - Apabila ia adalah seorang hamba, hukumannya 50 sebatan.	Firman Allah swt: "Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina maka kamu sebatlah setiap dari keduanya sebanyak 100 sebatan"

Hukuman penzina yang bukan muhsan

- Hukumannya 100 kali sebatan secara berturut-turut.
- Sekiranya sebatan itu dengan cara terputus-putus, ada dua kemungkinan:
 - o Jika sebatan secara terpisah-pisah itu tidak menghilangkan kesakitan, maka perkara tersebut tidak memudaratkan (dibolehkan)
 - o **Jika sebatan secara tidak berturut-turut itu menghilangkan kesakitan, maka perkara tersebut memudaratkan (tidak dibolehkan).** Jika terpisah-pisah hitungan sebatan (satu sebatan dengan bilangan seterusnya) yang menghilangkan rasa sakit setelah disebat 50 sebatan, maka dibolehkan, namun jika belum sampai hitungan 50 sebatan maka memudaratkan keabsahan sebatan tersebut (tidak dibolehkan)

Hukuman buang daerah

- Hukuman buang daerah selama setahun – kerana hadis riwayat Muslim menyatakan sedemikian.
- Sekiranya penzina mendakwa (mengaku) bahawa tempoh hukuman buang daerahnya telah berakhir dan dia tidak memiliki bukti maka pengakuannya dibenarkan, kerana hukuman buang daerah ini adalah termasuk hak Allah swt. Pelaku zina disunatkan bersumpah bagi perkara tersebut.
- Hukuman buang daerah dari negeri orang yang berzina ke tempat yang jaraknya dibolehkan melakukan solat qasar, kerana Umar membuang daerah ke Syam, Uthman membuang daerah ke Mesir, Ali membuang daerah ke Basrah.

أقسام الزاني باعتبار الحد:

نوع	التعريف	حد الزنا	الدليل
المحصن	هو من استكمل شروط الإحصان.	الرجم حتى يموت بالإجماع	رجم ماعز والغامدية كما جاء في الحديث
غير المحصن	هو من لم يستكمل شروط الإحصان	- إذا كان حر فحده مائة جلدة وتغريب عام . - إذا كان رقيقا فخمسون جلدة .	قوله تعالى: ﴿الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ﴾

حد الزاني غير المحصن

- حده مائة جلدة ولاء
- لو فرقتها نظر:
- إن لم يزل الألم لم يضر،
- وإلا فإن كان خمسين لم يضر، وإن كان دون ذلك ضر.

التغريب

- تغريب عام – لرواية مسلم بذلك
- لو ادعى المحدود انقضاء العام ولا بينة صدق، لأنه من حقوق الله تعالى ويحلف ندبا.
- يغرب من بلدة الزنا إلى مسافة القصر : لأن عمر غرب إلى الشام، وعثمان إلى مصر، وعليها إلى البصرة.

Syarat al Ihson

Syarat al Ihson ada 3 perkara:

- 1- Sampai umur taklif
- 2- Berakal – Tidak ada istilah ihson bagi kanak-kanak dan orang gila kerana tidak dikenakan hukuman hudud ke atas kedua-duanya, namun diberi pengajaran dengan sesuatu yang menakutkannya daripada melakukan zina.
- 3- Orang yang melakukan zina telah melakukan persetubuhan dalam akad nikah yang sah.
 - Sekalipun dilakukan persetubuhan itu dalam “tempoh iddah persetubuhan syubhah”, “pada siang hari bulan Ramadhan” atau “pada waktu ihram” – maka persetubuhan itu menjadikan seseorang itu ihson.

Perkara yang mensabitkan perbuatan zina

Perbuatan zina dapat disabitkan dengan salah satu dari dua perkara berikut:

- 1- Persaksian iaitu 4 orang saksi

Dalilnya:

Firman Allah swt: “Dan sesiapa yang melakukan perbuatan keji (zina) di antara perempuan-perempuan kamu, maka carilah empat orang lelaki di antara kamu yang menjadi saksi terhadap perbuatan mereka”.

Disyaratkan pada persaksian saksi-saksi tersebut adalah secara jelas dengan menyebut dengan siapa seseorang itu berzina³³.

- 2- Pengakuan yang sebenar walaupun hanya sekali.

Dalilnya:

Nabi saw telah merejam Ma'iz dan al Ghamidiyah berdasarkan pengakuan kedua-duanya.

Disyaratkan pada pengakuan ini adalah secara jelas kerana qias kepada persaksian saksi.

شروط الإحصان

ثلاثة :

١- البلوغ

٢- العقل - فلا حصانة لصبي ومجنون لعدم الحد عليهما، لكن يؤدبان بما يزرهما.

٣- وجود الوطء في نكاح صحيح.

- ووطء في نكاح صحيح- لو كانت الموطوءة في عدة ووطء شبهة، ووطئها في نهار

رمضان أو احرام - إحصان

ما يثبت به الزنا

يثبت الزنا بأحد أمرين:

١- البينة عليه: أربعة شهود.

الدليل: قال الله: ﴿وَالَّتِي يَأْتِيَنَّ الْفَاحِشَةَ مِنْ نِسَائِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِّنكُمْ﴾^{٣١}

يشترط في البينة الشهود أن يكون مفصلاً بأن يتذكر بمن زنى.

٢- إقرار حقيقي ولو مرة.

الدليل: كان النبي ﷺ رجم ماعزاً والغامدية بإقرارهما^{٣٢}

يشترط في الإقرار: أن يكون مفصلاً قياساً على الشهادة.

³³ Keempat-empat saksi itu berani menyatakan: Kami telah melihat bahawa lelaki tersebut telah memasukkan zakarnya ke dalam faraj perempuan itu dengan cara berzina.

^{٣١} سورة النساء: ١٥.
^{٣٢} رواه مسلم

* Pelaku zina dan setiap orang yang melakukan maksiat yang lain, disunatkan menutupi aib dirinya, kerana hadis menyatakan : 'Siapa yang melakukan perbuatan keji, hendaklah menutupi (aib) dirinya dengan tutupan Allah SWT. Sedangkan orang yang menampakkan 'muka'-nya di hadapan kami, nescaya kami akan menegakkan hudud baginya"

Hukuman bagi orang yang melakukan permulaan zina selain daripada faraj

Orang yang melakukan permulaan zina selain faraj seperti memasukkan zakar di antara dua peha, ciuman, kucupan atau seumpamanya – maka hukumannya ta'azir mengikut kebijakan pemerintah seperti pukulan, menepuk dengan tapak tangan, tahanan atau buang daerah.

- Pemerintah boleh menggunakan penghinaan dengan lidah sahaja dalam perkara yang berkaitan dengan hak Allah swt.

Ketetapan tentang hukuman ta'zir

Hukuman ta'zir berlaku pada setiap perbuatan yang melanggar hukum Allah swt atau perbuatan derhaka yang tidak menerima hukuman hudud dan tidak menerima hukuman kifarah

- sama ada perbuatan derhaka tersebut berkait hak Allah swt atau hak manusia.
- sama ada perbuatan derhaka tersebut termasuk **permulaan perbuatan dosa yang berkait dengan hudud** seperti berseronok-seronok dengan perempuan ajnabi pada bahagian selain faraj, mencuri harta yang tidak sampai had hukuman potong tangan dan mencaci maki yang bukan qazaf **atau pun tidak** seperti memalsukan tandatangan, persaksian palsu, memukul wanita tidak pada tempatnya, wanita yang nuzusy dan suami menghalang haknya sedangkan ia mampu.

Dalil sebelum disepakati oleh ulamak ialah firman Allah swt:

"dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar".

- Baihaqi meriwayatkan bahawa Ali r.a ditanya tentang orang yang memanggil seseorang lain: "Hai orang fasik, hai orang yang buruk perangai". Lalu beliau menjawab: "Orang tersebut dikenakan hukuman ta'zir".

* ويسن للزاني وكل من ارتكب معصية الستر على نفسه لخبر : "مَنْ أَتَى مِنْ هَذِهِ الْقَادُورَاتِ شَيْئاً فَلَيْسَتْ بِسِتْرِ اللَّهِ تَعَالَى، فَإِنَّ مَنْ أَبْدَى لَنَا صَفْحَتَهُ أَقَمْنَا عَلَيْهِ الْحُدَّ"^{٣٤}

ما يجب في المباشرة فيما دون الفرج

من باشر فيما دون الفرج بمفاخذة أو معانقة أو قبلة أو نحو ذلك - عزر بما يراه الإمام من ضرب أو صفع أو حبس أو نفي.

- وله الاقتصار على التوبيخ باللسان وحده فيما يتعلق بحق لله تعالى

ضابط ما فيه التعزير

أنه مشروع في كل معصية لا حد فيها ولا كفارة،

- سواء أكانت حقا لله تعالى أم لآدمي
- وسواء أكانت من مقدمات ما فيه حد، كمباشرة أجنبية في غير الفرج وسرقة ما لا قطع فيه، والسب بما ليس بقذف أم لا كالتزوير وشهادة الزور، والضرب بغير حق، ونشوز المرأة، ومنع الزوج حقها مع القدرة.

* الأصل فيه قبل الإجماع، قوله تعالى: ﴿وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا ۝٣٥﴾

- روى البيهقي أن عليا رضي الله تعالى عنه سئل عن رجل قال لرجل: يا فاسق يا خبيث، فقال: "يعزر".

^{٣٤} رواه الحاكم والبيهقي بإسناد جيد
^{٣٥} سورة النساء : ٣٤

التدريبات

س ١ : ما الزنا؟ وما حكمه؟ وما دليل هذا الحكم؟ وما حد الزاني المحصن؟ وما دليله؟ وبم يثبت الزنا؟ وما دليل ذلك؟ وما الذي يسن للزاني؟.

س ٢ : اختر الإجابة الصحيحة مما بين القوسين مدلا أو معللا لاختيارك:

(أ) زنى قبل إحصانه ثم زنى بعد إحصانه

(يرجم - يجلد - يجلد ثم يرحم)

(ب) زنى صبي

(يقام عليه الحد - يعزر - لا شيء عليه)

(ج) باشر غير زوجته فيما دون الفرج.

(يحد - يعزر - لا شيء عليه)

س ٣ : بين الحكم فيما يأتي مع التعليل أو ذكر الدليل :

(أ) فرق الجلد في حد الزاني غير المحصن

(ب) ادعى المحدث انقضاء العام ولا بينة.

س ٤ : ضع مصطلحا لما يأتي:

(أ) عقوبة غير مقدرة مشروعة في كل معصية لا حد فيها ولا كفارة.

(ب) عقوبة مقدرة وجبت زجرا عن ارتكاب ما يوجبه.

HUKUMAN HUDUD BAGI PEMINUM MINUMAN KERAS

PENGERTIAN ARAK

Sesuatu yang memabukkan daripada perahan anggur dan lainnya.

Hukum meminum arak adalah antara dosa besar yang diharamkan. Ulama telah sepakat pendapat tentang pengharaman arak.

DALIL TENTANG PENGHARAMAN ARAK

1- Al Quran: Firman Allah swt: “*Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya*”.

2- Hadis: Daripada Anas r.a: Nabi saw memukul peminum minuman keras dengan pelepah tamar dan sandal sebanyak 40 kali.

SEJARAH PENSYARIATAN PENGHARAMAN ARAK

Arak diharamkan pada tahun ketiga Hijrah selepas peperangan Uhud.

ERTI ARAK

Arak ialah perkara yang memabukkan daripada perahan anggur.

حد شارب المسكر

التعريف الخمر

ما تخمر وأسكر من عصير العنب وغيره.

حكم شرب الخمر من كبائر المحرمات. وانعقد الإجماع على تحريم الخمر.

الدليل في تحريمه

١- القرآن: قال الله: (يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَأَجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ)^{٣٦}

٢- السنة: عن أنس رضي الله عنه "كان النبي ﷺ يضرب في الخمر بالجريدة والنعال أربعين".

تاريخ مشروعيته:

تحريمها في السنة الثالثة من الهجرة بعد أحد.

معنى الخمر

الخمر: المسكر من عصير العنب

^{٣٦} سورة المائدة : ٩٠

SYARAT PELAKSANAAN HUKUMAN HUDUD TERHADAP PEMINUM ARAK

Syarat pelaksanaan hukuman hudud terhadap orang yang meminum arak, atau meminum minuman yang memabukkan selain daripada arak:

- 1) Seorang yang mukallaf (diberi tanggungjawab syarak) iaitu
 - (berakal : orang gila tidak dikenakan hukuman hudud)
 - (Sampai umur – kanak-kanak tidak dikenakan hukuman hudud).
- 2) Seseorang itu terikat dengan hukum-hukum syarak - tidak dikenakan hukuman hudud terhadap kafir harbi dan zimmi.
- 3) Pilihan sendiri - tidak dikenakan hukuman hudud terhadap orang yang terlupa atau dipaksa
- 4) Meminumnya bukan kerana darurat
- 5) Mengetahui pengharamannya.

KETETAPAN YANG DIMAKSUDKAN DENGAN ARAK

Arak: Setiap minuman yang jika diminum terlalu banyak memabukkan, maka diharamkan sekalipun hanya minum sedikit.

- Jika orang mabuk berkata selepas sedar dari mabuk: "Saya tidak tahu bahawa apa yang saya minum itu memabukkan, maka pengakuannya diterima disertai dengan sumpahnya.
- Jika seseorang itu baru memeluk Islam berkata: "Saya tidak mengetahui tentang pengharaman arak", maka dia tidak dikenakan hukuman hudud, kerana mungkin perkara tersebut masih asing baginya.
- Jika seseorang itu berkata: "Saya tahu bahawa arak itu haram, tetapi saya tidak mengetahui tentang hukuman hudud terhadap peminumnya", maka dia dikenakan hukuman hudud kerana sepatutnya apabila dia telah mengetahui haramnya arak, hendaklah dia menghindarinya.

شروط إقامة الحد على شارب الخمر

يشترط إقامة الحد على من شرب خمرا، أو شرب شرابا مسكرا غير الخمر:

(١) أن يكون مكلفا (عاقلا : فلا يجد المجنون)

(بالغا : فلا يجد الصبي)

(٢) أن يكون ملتزما للأحكام : فلا يجد الحربي والذمي

(٣) أن يكون مختارا : فلا على النسيان أو المكره

(٤) أن يكون شربها لغير ضرورة

(٥) أن يكون عالما بالتحريم

ضابط معنى الخمر:

الخمر : كل شراب أسكر كثيره حرم هو وقليله.

- لو قال السكران بعد الإصحاء لم أكن أعلم أن الذي شربته مسكر، صدق بيمينه.

- لو قرب إسلامه، فقال: "جهلت تحريم الخمر"، لم يجد لأنه قد يخفى عليه ذلك.

- ولو قال: "علمت تحريمها، ولكن جهلت الحد بشرها"، حد لأن من حقه إذا علم

التحريم أن يمتنع.

BERUBAT DENGAN ARAK

- 1- Diharamkan minum arak untuk tujuan berubat, kerana nabi saw bersabda: "Arak itu bukan ubat tetapi penyakit".
- 2- Diharamkan minum arak untuk tujuan menghilangkan haus, kerana ia tidak dapat menghilangkan haus.

HUKUMAN BAGI PEMINUM ARAK

- Kadar bilangan hukuman hudud terhadap peminum arak ialah 40 sebatan.
- Pemerintah boleh menambah kadar bilangan hukuman hudud terhadap peminum arak kepada 80 sebatan mengikut pendapat Asah

HUKUMAN MELEBIH DARI 40 SEBATAN

- Pemerintah boleh menambah kadar bilangan hukuman hudud terhadap peminum arak kepada 80 sebatan sebagai hukuman takzir.

Perkara Yang Mensabitkan Hukuman Hudud Terhadap Peminum Arak

Peminum arak wajib dikenakan hukuman hudud dengan salah satu daripada dua perkara berikut:

- 1- Ada bukti iaitu penyaksian dua saksi lelaki bahawa seseorang itu telah minum arak atau meminum minuman yang telah diminum oleh orang lain telah membuatnya mabuk.
- 2- Ada pengakuan (dari peminum arak) bahawa dia telah minum arak

** Tidak dikenakan hukuman hudud dengan sebab muntah-muntah dan mencium bau arak di mulutnya.

** Makruh melaksanakan hukuman hudud dan takzir di masjid

التداوى بالخمير

١- يحرم تناول الخمر للدواء، لأن النبي ﷺ قال: "إنه ليس بدواء ولكنه داء"

٢- يحرم تناول الخمر للعطش، لأنه لا يزيله

حكم شارب الخمر

- عدد الحد شارب الخمر : أربعون (٤٠) جلدة

- يجوز للإمام أن يبلغ به أي الشارب الحد ثمانين جلدة على الأصح.

حكم زيادة الحد عن أربعين

- يجوز للإمام أن يبلغ الشارب الحد ثمانين^{٣٧} جلدة على وجه التعزير.

ما يثبت به حد شارب الخمر

يجب على الشارب بأحد أمرين :

١- البينة : هي شهادة رجلين أنه شرب خمرا أو شرب مما شرب منه غيره فسكر منه

٢- الإقرار : بأنه شرب خمرا

** لا يحد بالقي والاستنكاه

** يكره إقامة الحدود والتعازير في المسجد

^{٣٧} على الأصح.

التدريبات

س ١ : ما حكم شرب الخمر؟ وما دليل هذا الحكم؟ وما معنى الخمر؟
وما حكم المسكر من غير الخمر؟ وبم يجب الحد؟ وما شروطه؟
وما حكم التداوي بالخمر؟ وما حكم الزيادة في حد الشرب عن أربعين؟
مع التعليل.

س ٢ : بيّن الحكم فيما يأتي مدللاً أو معللاً لاختيارك إن وجد:

- (أ) قال لقرب عهده للإسلام جهلت تحريم الخمر.
(ب) قال السكران بعد الإصحاء لم أكن أعلم أن الذى شربته مسكر.
(ج) قال السكران بعد إفاقة كنت مكرها.
(د) قال علمت تحريمها ولكن جهلت الحد بشربها.

س ٣ : اختر الإجابة الصحيحة مما بين القوسين معللاً أو مدللاً لاختيارك:

- (أ) شرب الخمر لدفع العطش (يحرم - يجوز - يكره)
(ب) إقامة حد الشرب في المسجد (يجوز - يكره - يحرم)
(ج) تناول المخدرات التي تزيل العقل (يحذ - ال يحذ - يعزر)

HUKUMAN MENCURI

PENGERTIAN MENCURI

Dari sudut **Bahasa**: Mengambil harta secara sembunyi-sembunyi.

Dari sudut **Syarak**: Mengambil harta secara sembunyi-sembunyi dengan cara menganiaya, daripada tempat simpanan yang selayaknya.

Dalilnya:

Firman Allah swt: *“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah”.*

(Surah al Maidah :38)

RUKUN PEMOTONGAN TANGAN DALAM HUKUMAN MENCURI

Rukun pemotongan tangan ada 3 rukun:

- 1- Harta yang Dicuri
- 2- Perbuatan mencuri
- 3- Pencuri

SYARAT PEMOTONGAN TANGAN KERANA MENCURI

6 syarat yang menyebabkan dipotongnya Tangan pencuri:

- 1- Pencuri itu telah baligh.
 - Kanak-kanak yang mencuri tidak dipotongnya kerana tidak ditaklifkan hukum syarak.
- 2- Pencuri itu berakal.
 - Orang gila yang mencuri tidak dipotongnya kerana tidak ditaklifkan..

حد السرقة

تعريف السرقة

لغة : أخذه المال خفية

شرعا : أخذه خفية ظلما من حرز مثله

الدليل : ﴿ وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ ۗ ﴾

أركان القطع في السرقة

أركان القطع ثلاثة:

١- مسروق

٢- سرقة

٣- سارق

شروط قطع اليد في المسروق

تقطع يد السارق والسارقة بستّ شرائط:

١- أن يكون السارق بالغا.

- لا تقطع يد صبي لعدم تكليفه.

٢- أن يكون السارق عاقلا.

- لا تقطع يد مجنون لعدم تكليفه.

- 3- Benda yang dicuri itu cukup nisab iaitu $\frac{1}{4}$ dinar atau lebih
Sabda nabi saw: "*Tangan pencuri tidak akan dipotong melainkan telah mencuri seperempat dinar atau lebih.*" (Hadis Riwayat Muslim)
- 4- Benda yang dicuri itu disimpan di tempat yang selamat.
- Seseorang yang mencuri benda yang tidak disimpan di tempat yang selamat, dia tidak dipotong tangannya.
- 5- Pencuri itu bukan pemilik harta tersebut.
- Seseorang yang mencuri hartanya yang berada di tangan orang lain, dia tidak dipotong tangannya...
- 6- Pencuri itu tidak memiliki bahagian sedikit pun terhadap harta yang dicurinya.
- Berdasarkan hadis: "*Hindarilah hukuman had oleh kamu terhadap orang Islam menurut kemampuan kamu*".
- 7- Pencuri itu mencuri dengan kehendaknya sendiri.
- Seseorang yang dipaksa mencuri tidak dipotong tangannya, kerana diangkat kalam darinya.
- 8- Pencuri itu adalah orang yang dikenakan beban hukuman.
- Pencuri yang merupakan kafir harbi tidak dipotong tangannya kerana tidak dikenakan beban hukuman.
- 9- Benda yang dicuri itu adalah benda yang dimuliakan oleh agama.
- 10- Benda yang dicuri itu kadarnya cukup nisab dengan milik yang sempurna.
- Seseorang yang mencuri tikar masjid tidak dipotong tangannya, kerana tikar tersebut disediakan untuk kegunaan orang ramai.

٣- أن يسرق نصاباً وهو ربع دينار فأكثر
لخبر مسلم: "لا تقطع يد سارق إلا في ربع ديناراً فصاعداً"

٤- أن يأخذ من حرز مثله
- لا قطع بسرقة ما ليس محرزاً.

٥- أن يكون السارق لا ملك له في المسروق
- لا قطع بسرقة ماله الذي بيد غيره.

٦- أن يكون السارق لا شبهة له في مال المسروق منه.
لحديث: "ادروا الحدود عن المسلمين ما استطعتم"

٧- أن يكون السارق مختاراً.
- لا يقطع المكره لرفع القلم عنه

٨- أن يكون السارق ملتزماً للأحكام.
- لا يقطع حربي بمال مسلم لعدم التزامه.

٩- أن يكون المسروق محترماً.

١٠- أن يكون الملك في النصاب تاماً قوياً.
- لا يقطع مسلم بسرقة حصر المسجد المعدة للاستعمال.

PERBEZAAN DI ANTARA PENCURI, PENYELUK SAKU, PEROMPAK DAN PENGKHIANAT AMANAH

Pencuri : Orang yang mengambil harta orang lain secara sembunyi-sembunyi.

Penyeluk saku : Orang yang sengaja mengambil harta orang lain dengan cara mencuri kemudian lari dengan diketahui oleh pemiliknya.

Perompak : Mengambil harta orang lain secara terang-terangan dengan menggunakan kekuatan dan kekerasan.

Orang yang mengkhianati : orang yang diamanahkan menyimpan sesuatu padanya atau orang yang meminjam sesuatu kemudian dia mengingkarinya.

- Hadis nabi saw menyatakan : “*Penyeluk saku, Perompak, Orang yang mengkhianati (amanah): tidak dipotong tangannya*”

PERKARA YANG MENSABITKAN HUKUMAN MENCURI

Perkara yang mensabitkan hukuman mencuri (potong tangan) adalah dengan :

- 1- Pengakuan daripada pencuri yang boleh dilaksanakan potong tangan dengan 2 syarat :
 - (1) Pengakuan pencuri itu setelah dituduh.
 - (2) Pengakuan secara terperinci sehingga pencuri menjelaskan tentang cara mencuri, benda yang dicuri, jumlah yang dicuri, sifat benda yang dicuri dan tempat simpanan benda tersebut.

- 2- Persaksian 2 lelaki : Saksi perlu menyebut syarat-syarat mencuri yang mewajibkan hukuman potong tangan.

الفرق بين السارق والمختلس والمنتهب والخائن

- السارق : من يأخذ المال خفية.
- المختلس : من يعتمد الهرب من غير غلبة مع معاينة المالك.
- المنتهب : من يأخذ عيانا معتمدا على القوة والغلبة.
- الخائن : منكر الوديعة والعارية

لحديث: "ليس على المختلس والمنتهب والخائن قطع"^{٣٨}.

ما تثبت به السرقة

ما يثبت قطع السرقة به :

١- إقرار السارق مؤخذة له

بشرطين : ١- أن يكون بعد الدعوى عليه

٢- أن يفصل الإقرار : بين (السرقة) و (المسروق منه) و (قدر المسروق)

و (الحرز بتعيين) أو (وصف).

٢- شهادة رجلين : أن يذكر الشاهد شروط السرقة الموجبة للقطع

^{٣٨} ويقوم ولي الأمر أو من ينوب عنه من القضاة بتعزيرهم بما يردعهم من عقوبات بالحبس أو التغميم أو غيرها بعد رد ما أخذوه من مال إلى صاحبه إن كان باقيا، فإن تلف ضمنه ببدله جبرا لما فات.

التدريبات

س ١ : ما السرقة؟ وما أركانها؟ وما شروط القطع في السارق؟
وما أنواع الشبهة التي تدرأ الحد في المال المسروق؟ وبم يثبت حد القطع في السرقة؟

س ٢ : بين الحكم فيما يأتي :

(أ) سرق مسلم مال ذمي.

(ب) أقر بالسرقة قبل الدعوى عليه.

(ج) شهد رجل وامرأتان بالسرقة على السارق

س ٣ : اختر الإجابة الصحيحة مما بين الأقواس معللاً أو مدلاً لما تذكر:

(أ) المعتبر في المسروق من الذهب

(القيمة فقط - القيمة والوزن - كلاهما صحيح)

(ب) سرق ماله الذي بيد غيره

(يحد - يعزر - لا شيء عليه)

(ج) سرق مال جدته

(يحد - يعزر - لا شيء عليه)

(د) إذا شهد في حد السرقة رجل وامرأتان

(ثبت القطع - سقط المال - ثبت المال ولا قطع)

PEROMPAK

PENGERTIAN PEROMPAK

Orang yang menghadang di jalan untuk merampas harta orang yang melaluinya, untuk membunuh atau sekadar menakut-nakutkan dengan cara sombong bersandarkan kekuatan yang mereka miliki dan biasanya berlaku di tempat yang jauh dari orang ramai, sehingga sukar meminta bantuan orang lain.

- Disabitkan hukuman perompak dengan deisaksikan oleh dua orang lelaki tetapi tidak boleh diganti saksi itu dengan seorang lelaki dan 2 orang perempuan.

Dalilnya:

Firman Allah swt⁴⁰: *"Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya"*.
(Surah al Maidah :33)

SYARAT-SYARAT PEROMPAK

- 1- Orang yang terkena beban hukum - sekalipun perompak itu dalam keadaan mabuk
- 2- Pilihan sendiri
- 3- Menakut-nakutkan orang lain di jalan.
- 4- Melawan orang yang mencabarnya, sama ada sama kekuatannya atau mengatasi orang tersebut.

⁴⁰ *"Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas) atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka berselang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar"*.

قطاع الطريق

تعريف قطع الطريق

هو البروز لأخذ مال، أو لقتل، أو لإرعاب مكابرة واعتمادا على القوة مع البعد عن الغوث .

- يثبت حد قاطع الطريق برجلين، لا برجل وامرأتين.

دليله : ﴿ إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۚ ﴾^{٣٩}

شروط قاطع الطريق:

- ١- ملتزم لأحكام، ولو سكرانا،
- ٢- مختار،
- ٣- مخيف للطريق،
- ٤- يقاوم من يبرز هو له، بأن يساويه أو يغلبه،

^{٣٩} سورة المائدة الآية: ٣٣

التدريبات

س ١ : عرف قطع الطريق، وبين حكمه، ودليل هذا الحكم، وبم يثبت قطع الطريق؟ وما شروط قاطع الطريق؟ وما أقسام قطاع الطريق؟ وما حكم من تاب منهم قبل القدرة عليه؟

س ٢ : بين الحكم فيما يأتي معللا أو مدللا لما تذكر:

- (أ) قطاع الطريق قتلوا وأخذوا المال.
 (ب) قطاع الطريق أخذوا المال المقدر بنصاب السرقة ولم يقتلوا
 (ج) قطاع الطريق أخافوا السبيل ولم يأخذوا مالا ولم يقتلوا
 (د) سرق قاطع الطريق ثم تاب قبل القدرة عليه .

أقسام قطع الطريق:

أقسامها	أحكامها
١ قطع الطريق، وقتل، ولم يأخذ مال.	يقتل حتما
٢ قطع الطريق، وقتل، وأخذ مال	يقتل ويصلب
٣ قطع الطريق، وأخذ مال، ولم يقتل	تقطع يده ورجله من خلاف
٤ قطع الطريق فأخاف السبيل، ولم يقتل، ولم يأخذ مالا	حبسوا وعزروا بها يراه الإمام

توبة قبل القدرة عليه: سقطت عنه الحدود ،

لقله تعالى: ﴿إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ قَبْلِ أَنْ تَقْدِرُوا عَلَيْهِمْ﴾

JENIS PEROMPAK

	Jenis Perompak	Hukumannya
1	Perompak yang hanya melakukan pembunuhan tanpa mengambil harta.	dibunuh
2	Perompak yang melakukan pembunuhan dan mengambil harta.	Dibunuh dan disalib
3	Perompak yang hanya mengambil harta dan tanpa melakukan pembunuhan.	Dipotong tangan dan kakinya secara silang
4	Perompak yang hanya menakut-nakutkan sahaja oaring yang lalu di jalan tanpa melakukan pembunuhan dan tidak mengambil harta.	Mereka dipenjara dan dita'zir mengikut kebijakan pemerintah.

Bertaubat sebelum pihak berwajib berjaya menangkapnya : maka gugurlah hukuman hudud⁴¹,

- berdasarkan firman Allah swt: “Kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum mereka berjaya kamu tangkap”.

⁴¹ Namun dia tetap mesti menerima hukuman qawad (bunuh balas) dan mengembalikan harta, kerana masalah harta dan qawad tidak boleh gugur kerana bertaubat.

KITAB JIHAD (PERANG UNTUK MENEGAKKAN AGAMA ALLAH)

Pengertiannya:

Jihad ialah berperang untuk menegakkan agama Allah swt.

Dalilnya:

Dasar hukumnya sebelum ijmak ulamak adalah :

- Firman Allah swt: ""Diwajibkan atas kamu berperang".
- firman Allah swt: "Dan perangilah oleh kamu orang-orang yang menyekutukan Allah secara keseluruhan"
- Hadis sahih: "Aku diperintahkan menyerang manusia sehingga mereka mengucpkan "Tidak ada Tuhan melainkan Allah."(Bukhari dan Muslim)
- Hadis riwayat Muslim "Berangkat di pagi hari atau petang hari untuk menegakkan agama Allah adalah lebih baik daripada dunia dan seisinya".

Hukum berjihad

- Jihad pada zaman nabi saw setelah baginda berhiirah hukumnya **fardhu kifayah**⁴⁴,
- Jihad selepas zaman nabi saw, berjihad memerangi orang kafir terdapat dua keadaan:

Pertama: Fardu kifayah, apabila orang kafir berada di negeri mereka. Jika sebahagian daripada orang Islam melakukan fardu kifayah tersebut maka gugurlah tanggungjawabnya bagi yang lain.

Kedua: Fardu ain, apabila orang kafir memasuki negeri kita.

⁴⁴ iaitu jika ada salah seorang telah melaksanakan jihad maka yang lain tidak perlu melaksanakannya kerana kewajipan yang lain telah gugur setelah dilaksanakan oleh salah satu dari suatu kelompok itu.

كتاب أحكام الجهاد

تعريفه:

الجهاد هو القتال في سبيل الله.

الدليل:

الأصل فيه قبل الإجماع آيات،

- قوله تعالى : ﴿ كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ ﴾^{٤٢}
- قوله تعالى : ﴿ وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً ﴾^{٤٣} وقيل المشركين كافة.
- خبر الصحيحين: (أمرت أن أقاتل الناس حتى يقولوا لا إله إلا الله)
- خبر مسلم: (لغدوة أو راحة في سبيل الله خير من الدنيا وما فيها).

حكم الجهاد

- الجهاد في عهد النبي ﷺ قبل الهجرة فرض كفاية
- الجهاد بعد عهد النبي ﷺ فللكفار حالان:
- الحال الأول: (فرض كفاية) إذا كان الكفار في بلادهم، إذا فعله من فيهم كفاية سقط الحرج عن الباقين.
- الحال الثاني: (فرض عين) إذا دخل الكفار بلدة لنا

^{٤٢} سورة البقرة الآية: ٢١٦

^{٤٣} سورة التوبة الآية: ٣٦.

SYARAT WAJIBNYA JIHAD

FARDU KIFAYAH	FARDU AIN
Syarat wajib berjihad apabila ia menjadi fardu kifayah: 1. Islam. 2. Akil baligh. 3. Berakal sihat. 4. Lelaki. 5. Sihat. 6. Mampu untuk berperang	Jihad menjadi fardu ain ketika orang kafir telah masuk (menyerang) negara orang Islam, maka semua penduduknya diwajibkan membela diri semampunya. Jihad ketika itu menjadi fardu ain sama ada orang Islam dapat menyediakan peralatan perang atau tidak. Mengetahui bahawa dirinya akan dibunuh jika berperang atau tidak mengetahui jika menyerah diri dia akan dibunuh atau perempuan Islam tidak selamat dari perbuatan keji sekiranya ditawan.

SYARAT WAJIB BERJIHAD APABILA IA MENJADI FARDU KIFAYAH:

Syarat wajibnya jihad ada 6 perkara:

1. **Islam**, firman Allah swt:

"Hai orang-orang yang beriman, perangilah oleh kamu orang-orang kafir yang menguasai kamu".

- Ayat ini adalah ditujukan kepada orang-orang yang beriman, maka orang kafir tidak diwajibkan jihad.

2. **Baligh** (sampai umur dipertanggungjawabkan perintah syarak).

- Oleh kerana itu, kanak-kanak dan orang gila tidak diwajibkan berperang kerana keduanya tidak dipertanggungjawabkan perintah syarak, berdasarkan **firman Allah swt**:

"Orang-orang yang lemah dan orang-orang yang sakit dan juga orang-orang yang tidak mempunyai sesuatu yang akan dibelanjakan, tidaklah menanggung dosa (kerana tidak turut berperang)."

Satu pendapat mengatakan: Kanak-kanak dikategorikan sebagai orang yang lemah badannya.

Satu pendapat lain mengatakan: Orang gila dikategorikan sebagai orang yang lemah akal fikirannya.

berdasarkan sabda nabi saw: Bahawa baginda melarang Ibnu Umar ikut berperang pada waktu perang Uhud dan dibolehkan pada waktu perang Khandaq.

^{٤٧} رواه البخاري ومسلم

شروط وجوب الجهاد

فرض عين	فرض كفاية
يكون الجهاد فرض عين: إذا دخل الكفار بلدة لنا ، فيلزم أهلها الدفع بالممكن منهم.	شروط وجوب الجهاد إذا كان فرض كفاية:
ويكون الجهاد حينئذ فرض عين سواء أمكن تأهبهم لقتال أم لم يمكن، علم كل من قصد أنه إن أخذ قتل أو لم يعلم أنه إن امتنع من الاستسلام قتل، أو لم تأمن المرأة فاحشة إن أخذت.	(١) الإسلام (٢) البلوغ (٣) العقل (٤) الذكورية (٥) الصحة (٦) الطاقة على القتال

شروط وجوب الجهاد إذا كان فرض كفاية:

شروط وجوب الجهاد ست خصال:

(١) الإسلام - لقوله تعالى: ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَاتِلُوا الَّذِينَ يَلُونَكُمْ مِنَ الْكُفَّارِ﴾^{٤٥}

- خوطب به المؤمنون، فلا يجب على الكافر.

(٢) البلوغ

(٣) العقل - فلا جهاد على صبي ومجنون لعدم تكليفهما - لقوله تعالى: ﴿لَيْسَ عَلَى

الضُعَفَاءِ وَلَا عَلَى الْمَرْضَى وَلَا عَلَى الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ مَا يُنْفِقُونَ حَرَجٌ﴾^{٤٦}

- قيل: هم الصبيان لضعف أبدانهم

- قيل: المجانين لضعف عقولهم ولأن النبي ﷺ: "رد ابن عمر يوم أحد وأجازة في

الخذق".^{٤٧}

^{٤٥} سورة التوبة الآية: ١٢٣

^{٤٦} سورة التوبة الآية: ٩١

4. **Lelaki** - wanita tidak diwajibkan berperang kerana lemah fizikalnya.
- berdasarkan firman Allah swt: "Hai Nabi, doronglah orang-orang yang beriman untuk berperang.

Maksud "orang-orang yang beriman" dalam ayat ini ialah lelaki bukan perempuan dan khunsa, berdasarkan sabda Rasulullah saw kepada Aisyah, ketika beliau bertanya kepada baginda tentang jihad. Lalu baginda menjawab "bahawa bagi perempuan amal perbuatan yang paling baik ialah haji yang mabrur".

5. **Sihat**. Oleh kerana itu, orang yang sakit tidak diwajibkan berperang kerana tidak mampu melakukan banyak perkara.

6. **Mampu berperang**, sama ada dengan tubuh badan atau harta. Oleh kerana itu, orang buta dan orang pincang tidak diwajibkan berperang - berdasarkan firman Allah swt :
"Bagi orang buta yang tidak ikut berperang tidak berdosa, bagi yang pincang juga tidak berdosa dan bagi orang sakit juga tidak berdosa."

*** Penetapan tentang tidak mampu untuk berperang:**

Setiap keuzuran yang menghalang kewajipan ibadat haji, maka ia juga menghalang kewajipan berjihad kecuali jika hanya takut di tengah perjalanan akan dirompak atau diperas ugut orang kafir, (maka perkara ini tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak ikut berperang).

٤) الذَّكُورِيَّةُ - فلا جهاد على امرأة لضعفها

- لقوله تعالى: ﴿يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضِ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْقِتَالِ﴾ ٤٨

- لقوله ﷺ لعائشة وقد سألته في الجهاد: "لكن أفضل الجهاد حج مبرور" ٤٩

٥) الصَّحَّةُ - فلا جهاد على مريض يتعذر قتاله أو تعظم مشقته.

٦) الطاقة على القتال (بالبدن والمال) - فلا جهاد على أعمى ولا ذي بين ولو في رجل

واحدة لقوله تعالى: ﴿لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ

حَرْجٌ﴾ ٥٠

*** الضابط على عدم القتال**

كل عذر منع وجوب حج منع وجوب الجهاد إلا في خوف طريق من كفار و مصادف المخاوف

٤٨ سورة الأنفال الآية: ٦٥.

٤٩ رواه البخاري

٥٠ سورة النور: ٦١

** Catatan:

1. Tidak diwajibkan berperang ke atas orang yang tidak mempunyai persiapan perang seperti perbelanjaan, senjata, kenderaan untuk perjalanan jauh yang dibolehkan solat qosar. Jika jaraknya dekat, sekiranya ia mampu berjalan maka wajib ikut berperang dengan berjalan.
2. Jika pada waktu seseorang itu keluar berperang tiba-tiba badannya sakit, perbelanjaannya atau kenderaannya mati, maka dia boleh memilih antara meneruskan perjalanan untuk berperang atau kembali pulang (tidak berperang).
3. Hutang yang perlu dibayar segera bagi seseorang yang berhutang, maka pemergiannya untuk berjihad bergantung pada keizinan tuan hutang. Manakala hutang yang diberi tempoh pembayarannya dalam waktu yang lama, maka tidak diharamkan keluar untuk berperang kecuali dengan keizinan kedua ibubapanya.
4. Jika kedua ibubapanya memberi izin kepada anaknya, kemudian setelah anak itu telah keluar pergi berperang, orang tuanya menarik balik keizinan tersebut, maka anak tersebut wajib pulang apabila mengetahui bahawa izinnya ditarik balik sekiranya belum lagi masuk dalam barisan pasukan perang. Syarat (untuk kembali pulang) mestilah selamat diri dan hartanya serta tidak mengecewakan perasaan tentera Islam.

SESEORANG YANG MEMELUK ISLAM SEBELUM MENJADI TAWANAN PERANG

Seseorang yang memeluk Islam - lelaki atau perempuan, di negara Islam atau negara kafir-sebelum menjadi tawanan perang : maka orang tersebut dijaga harta, darahnya dan anak-anaknya adalah orang merdeka. Begitu juga datuk – mengikut pendapat *al Asah*.

١- لا يجب الجهاد على عادم أهبة قتال - من نفقة وسلاح و مركوب سفر قصر وإن كان دونه لزمه إن كان قادرا المشي.

٢- لو مرض بعد ما خرج إلى الجهاد أو فنى زاده أو هلكت دابه، مخير بين أن ينصرف أو يمضى

٣- الدين الحال على موسر يحرم سفر جهاد إلا بإذن غريمه. أما الدين المؤجل فلا يحرم السفر إلا بإذن أبويه

٤- لو أذن أصله ثم رجع بعد الخروج وعلم الرجوع وجب الرجوع إن لم يحضر الصف. والشرط أن يأمن على نفسه والمال ولم تنكسر قلوب المسلمين.

من أسلم قبل الأسر

- من أسلم من رجل أو امرأة في دار حرب أو إسلام قبل الأسر : أحرر ماله ودمه وصغار أولاده، والجد كذلك في الأصح.

BILAKAH KANAK-KANAK YANG DITAWAN DIHUKUMKAN ISLAM?

Kanak-kanak lelaki, perempuan atau khunsa dihukumkan Islam kerana dua sebab:

Pertama: Salah seorang ibubapanya memeluk Islam – maka dihukumkan Islamnya ketika itu juga sama ada salah seorang ibubapanya memeluk Islam sebelum melahirkannya atau selepas melahirkannya sebelum usia tamyiz dan sebelum sampa iumur berdasarkan firman Allah swt: “Dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam Syurga)”.

Kedua: Kanak-kanak itu ditemui di negara Islam – maka dihukumkan Islamnya mengikut negara Islam.

متى يحكم للصبي الأسير بالإسلام؟

- يحكم للصبي ذكرا كان أو أنثى أو خنثى بالإسلام لسببين:

أولهما: أن يسلم أحد أبويه – فإنه يحكم بإسلامه حالا سواء أسلم أحدهما قبل وضعه أم بعده قبل تمييزه وقبل بلوغه لقوله تعالى ﴿ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ ﴾^{٥١}

ثانيهما: يوجد لقيطاً في دار الإسلام – فيحكم اسلامه تبعا للدار

التدريبات

س ١ : ما الأصل في الجهاد؟ وما حكمه؟ وما شروط وجوب الجهاد إذا كان فرض كفاية؟

س ٢ : بيّن الحكم فيما يأتي مع التعليل أو ذكر الدليل :

(أ) الجهاد للمرأة.

(ب) الجهاد على ذي عرج بيّن.

(ج) الجهاد في حق من كان دون مسافة القصر من البلدة التي دخلها الكفار.

س ٣ : اختر الإجابة الصحيحة مما بين القوسين معللاً أو مدللاً لاختيارك:

(أ) من كانوا على مسافة القصر من البلدة التي دخلها الكفار فالجهاد في حقهم

[فرض عين - فرض كفاية - فرض عين في حق من قرب وفرض كفاية في حق من بعد]

(ب) أسلم جد الصبي الصغير

[يحكم بإسلامه حالا - يحكم بإسلامه بعد بلوغه - لا يحكم بإسلامه]

س ٤ : علل الأحكام الآتية :

(أ) لا جهاد على صبي ومجنون.

(ب) لا جهاد على امرأة.

(ج) لا جهاد على أشل يد أو معظم أصابعها.

Menyembelih binatang jinak (boleh dipegang) : iaitu binatang yang boleh dimakan yang mampu disembelih (dengan mudah), maka cara sembelihannya adalah pada halqum dan lehernya mengikut sepakat kata ulamak.

* Halqum : Bahagian atas leher

* Labbah : Bahagian bawah leher

syarat-syarat sembelihan

Disyaratkan pada sembelihan ialah sembelihan itu hendaklah dengan niat.

Permasalahan :

Sembelihan menjadi haram kerana tanpa niat:

- sekiranya pisau jatuh di atas (leher) kambing yang disembelih, lalu kambing itu mati – maka haram memakannya kerana perbuatan itu tanpa 'niat'.
- sekiranya kambing itu menggesel pada pisau lalu luka seperti disembelih – maka haram memakannya kerana perbuatan itu tanpa 'niat'.
- sekiranya anjing buruan pergi mendapatkan binatang buruan tanpa arahan tuannya, lalu membunuh binatang tersebut – maka haram memakannya kerana perbuatan itu tanpa 'niat'.
- sekiranya seseorang melontarkan panah bukan bertujuan memburu, lalu terkena binatang dan mati – maka haram memakannya kerana perbuatan itu tanpa 'niat'.

Sembelihan menjadi halal kerana dengan niat:

- sekiranya seseorang itu memanah ke arah sesuatu dengan sangkaannya benda itu adalah batu (tetapi sebenarnya binatang) – maka halal memakannya kerana perbuatan itu dengan 'niat'.
- sekiranya seseorang itu memanah ke arah sekumpulan rusa, lalu terkena salah seekor daripadanya – maka halal memakannya kerana perbuatan itu dengan 'niat'.
- sekiranya seseorang itu memanah ke arah seekor rusa dalam sekumpulan rusa, lalu terkena yang lain – maka halal memakannya kerana perbuatan itu dengan 'niat'.

Cara sembelihan binatang liar

Menyembelih binatang liar (tidak boleh dipegang) : iaitu binatang yang dimakan yang tidak mampu disembelih (dengan mudah) kerana liar, maka cara sembelihannya dengan melukakan di mana-mana tempat yang dapat / dengan melukakan di tempat yang boleh mematakannya.

- sekiranya binatang jinak menjadi liar seperti Unta yang lari dari tuannya maka hukumnya seperti binatang buruan, halal dimakan dengan mencederakannya tidak ditempat yang sepatutnya (di leher), dan juga halal dengan cara menyuruh anjing menangkapnya.

* ذكاة الحيوان المقذور على ذكاته: ما قُدِرَ على ذبحه من الحيوان المأكول فذكاته استقلالاً في حلقه ولبته إجماعاً.

* الحلقي : أعلى العنق * اللبّة : أسفل العنق

ما يشترط في الذبح

يشترط في الذبح أن يكون قصداً

مسائل :

حرم ذلك لعدم القصد

- لو سقط مُدْيَةٌ على مَذْبَحِ شاة فقتلت
- لو احتكت شاة بالمديّة فاندبجت
- لو استرسلت جارحة بنفسها فقتلت صيدا
- لو أرسل سهما لا لصيد فقتل صيدا

حلّ ذلك لصحة قصده

- لو رمى شيئاً ظنه حجراً
- لو رمى فظيع ظباء فأصاب واحدة منه
- لو رمى واحدة من قطع ظباء فأصاب غيرها

كيفية ذكاة غير المقذور عليه

ما لم يُقَدَّر على ذكاته لكونه متوحشاً، فذكاته عَقْرُهُ من حيث قدر عليه أو بجرح مزهق للروح في أي موضع كان من بدنه،

- ولو توحش إنسي كبعير ند فهو كالصيد، يجل بجرحه في غير مذبحه ويجل بإرسال الكلب عليه.

Perkara yang disunatkan dalam penyembelihan haiwan:**Perkara yang disunatkan dalam penyembelihan haiwan yang jinak ada empat**

- i) Memotong seluruh halkum iaitu saluran penafasan.
- ii) Memotong seluruh (urat mari') iaitu saluran makanan dan minuman.
- ii) Memotong kedua-dua 'wadajain' (saluran darah) iaitu dua urat di tepi leher yang berhampiran halkum dan urat mari'.

Perkara yang memadai untuk menjadikan sembelihan itu halal ialah dua perkara:

- i) Memotong seluruh halkum iaitu saluran penafasan.
- ii) Memotong seluruh (urat mari') iaitu saluran makanan dan minuman.

*** Catatan Tambahan:**

- sekiranya seseorang itu menyembelih haiwan dan mengeluarkan akhir ususnya serentak, maka tidak halal (dimakan) kerana mematakannya tidak dengan cara memotong halkum dan urat mari'.
- sekiranya serentak antara memotong halkum dan mengerat kaki kambing sembelihan itu maka ia adalah bangkai kerana kematiannya adalah terjadi disebabkan dua kecederaan.

Disyaratkan binatang itu masih mempunyai 'hayat mustaqirrah'

- * Tidak disyaratkan mengetahui binatang itu masih mempunyai 'hayat mustaqirrah'⁵³ semasa sembelih, bahkan memadai dengan sangkaan binatang itu mempunyai hayat mustaqirrah selagi tidak ada perkara yang mematakannya sebelum disembelih.
- * 'Hayat mustaqirrah' semasa sembelih kadang-kadang diyakini dan melalui sangkaan dengan tanda-tanda seperti kuat pergerakan atau terpancar darah. Sekiranya kita syak adanya 'hayat mustaqirrah' maka haram bagi orang yang syak dengan binatang sembelihan tersebut.
- * Tidak disyaratkan dalam sembelihan itu perlu memotong kulit yang berada di atas halkum dan urat mari'.
- * Sunat sembelih unta di tengkuk iaitu bahagian bawah leher kerana lebih mudah untuk keluar rohnya disebabkan panjang lehernya, begitu juga pada semua binatang yang leher panjang seperti burung unta, angsa dan itik.

ما يستحب في ذكاة الحيوان

يستحب في ذكاة الحيوان المقذور عليه أربعة أشياء :

- ١ - قطع كل الخلقوم وهو [مجرى النفس]
- ٢ - قطع كل المرئ وهو [مجرى الطعام والشراب]
- ٣ - قطع كل الودجين وهما [عرقان في صفحتي العنق يحيطان بالخلقوم والمرئ].

المجزئ منها في الحل شيئان :

- ١ - قطع كل الخلقوم
- ٢ - قطع كل المرئ

* تنبيه :

- لو ذبح شخص حيوانا وأخرج آخر أمعاءه معاً، لم يحل لأن التدفيف لم يتمم بقطع الخلقوم والمرئ.
- لو اقترن قطع الخلقوم بقرة الشاة فهي ميتة، لأن التدفيف إنما حصل بذبحتين.

اشتراط الحياة المستقرة عند الذبح

- لا يشترط العلم بوجود الحياة المستقرة عند الذبح، بل يكفي الظن بوجودها ما لم يتقدمه ما يُحال عليه الهلاك.
- الحياة المستقرة عند الذبح تارة تيقن وتارة تظن بعلامات وقرائن - كشدة الحركة أو انفجار الدم، فإن شككنا في استقرارها حرم للشك في المبيح.
- لا يشترط في الذكاة قطع الجلد التي فوق الخلقوم والمرئ.
- يسن نحر إبل في اللبة وهي في أسفل العنق لأنه أسهل لخروج الروح لطول عنقها، وكذلك أن يأتي في كل حيوان طال عنقه كالنعام والأوز والبط.

⁵³ Tanda 'hayat mustaqirrah' : pergerakan yang kuat selepas dipotong halkum dan urat mari'.

Perkara yang disunatkan ketika sembelih:

- * Disunatkan sembelih lembu, kambing dan seumpamanya dengan memotong halkum dan urat mari' kerana mengikut sunnah nabi s.a.w.
- * Disunatkan sembelih unta secara berdiri dan diikat kaki kirinya. ketika sembelih lembu dan kambing dibaringkannya sebelah rusuk kiri dan dilepaskan kaki kanan tanpa ikatan dan diikat kaki-kai yang lain.

Disunatkan bagi penyembelih :

- **Menajamkan pisaunya** berdasarkan hadis Muslim : “Sesungguhnya Allah mewajibkan ihsan pada setiap sesuatu. Apabila kamu berperang maka berperanglah dengan cara yang baik, apabila kamu menyembelih maka sembelihlah dengan baik dan hendaklah kamu tajamkan mata pisau dan tenanglah binatang sembelihannya”.
- **Hadapkan ke arah kiblat** binatang sembelihan
- **Menyebut** ketika menyembelihnya : **“Dengan nama Allah”** dan Berselawat ke atas nabi s.a.w ketika menyembelihnya. Jangan menyebut (Dengan nama Allah dan nama Muhammad) kerana memberi kesamaran mensyirikan Allah.

Memburu dengan binatang yang dilatih (untuk memburu)

Boleh memburu dengan binatang buas yang dilatih berburu seperti anjing dan harimau atau burung seperti helang besar dan helang kecil berdasarkan firman Allah s.w.t: *“Dihalalkan bagimu yang baik-baik dan (buruan yang ditangkap) oleh binatang buas yang telah kamu ajar dengan melatihnya untuk berburu; kamu mengajarnya menurut apa yang telah diajarkan Allah kepadamu”.*

ما يسن عند الذبح

- يسن ذبح البقر وغنم ونحوهما كخيل بقطع الحلقوم والمرئ للاتباع.
- يسن أن يكون نحر البعير قائما معقولة ركبته اليسرى و أن يكون نحر البقرة والشاة مضجعة لجنبها الأيسر وتترك رجلها اليمنى بلا شد وتشد باقي القوائم.

يسن للذابح:

- أن يجد سكينه
- أن يوجهه للقبلة ذبيحته
- أن يقول عند ذبحها (بسم الله) وأن (يصلى على النبي ﷺ) عند ذلك، ولا يقل (بسم الله واسم محمد) لإيهام التشريك.

الاصطياد بالجارحة المعلمة^{٥٤}

يجوز الاصطياد بكلّ جارحة معلمة من السباع كالكلب والفهد ومن جوارح الطير كالباز والصقر لقوله تعالى : ﴿يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُمْ مِنَ الْجَوَارِحِ^{٥٥} أَي صِيدَ مَا عَلَّمْتُمْ.

^{٥٤} هذه أداة للصيد وتوجد الآن في بعض البلدان حيث يقومون بتدريبها على اصطياد الحيوانات البرية
^{٥٥} سورة المائدة : ٤.

Syarat mengajar binatang berburu

Syarat mengajar binatang berburu ada 4 :

- i. Binatang tersebut apabila tuannya menyuruh mengejar buruan, ia terus berlari ke arah buruan / mengejarnya.
- ii. Binatang tersebut apabila tuannya menyuruhnya berhenti, ia terus berhenti serta merta.
- iii. Binatang tersebut apabila ia menangkap buruan ia tidak memakan daging buruan itu sedikit pun.
- iv. Keadaan ini terus berulang sehingga menjadi kebiasaan binatang memburu tersebut.

Perkara yang sah sembelihan dan perkara yang tidak sah

Rukun Ketiga : Alatan sembelihan.

Boleh menyembelih dengan apa-apa senjata yang boleh melukakan seperti besi tajam, buluh dan lain-lain – kecuali gigi, kuku, serpihan tulang sama ada masih bersambung atau berpisah berdasarkan hadis sahih : “Binatang ditumpahkan darahnya dan disebut nama Allah padanya , maka makanlah, tetapi bukan disembelih dengan gigi atau kuku. Aku akan jelaskan kepada kamu tentang perkara tersebut. Gigi itu adalah tulang dan kuku itu pisau penduduk Habsyah”.

شروط تعليمها

يشترط لتعليم الجارحة من السباع أو الطير أربعة شروط:

الأول: أن تكون الجارحة معلمة وعلامة كونها معلمة، بحيث إذا أرسلت، أي أرسلها صاحبها استرسلت أي هاجت

الثاني: إذا زجرت أي زجرها صاحبها في ابتداء الأمر وبعده انزجرت أي وقفت.

الثالث: إذا قتلت صيدا لم تأكل منه شيئا أي من لحمه أو نحوه كجلده وحشوته قبل قتله أو عقبه وشرط في جارحة الطير: ترك الأكل فقط.

الرابع: أن يتكرر ذلك منها، أي هذه الأمور المعتبرة في في التعليم منها، تكرر بحيث يظن تأدب الجارحة.

ما يصح الذبح به وما لا يصح:

الركن الثالث: الآلة

تجوز الذكاة بكل ما يجرح – كمحدد حديد وقصب وحجر ورمصاص وذهب وفضة – إلا بالسن والظفر وباقي العظام متصلا كان أو منفصلا لخير الصحيحين : ما أنهر الدم وذُكِرَ اسم الله عليه فكلوا ليس السن والظفر : وسأحدثكم عن ذلك أما السن فعظم، وأما الظفر فمدى الحبشة".

Permasalahan :

- 1- Sekiranya binatang itu dibunuh dengan benda berat seperti peluru, tali cemeti dan panah tanpa mata dan tidak tajam – maka haram makan buruan itu, kerana ia adalah ‘maquzah’ (binatang yang dipukul dengan tongkat sehingga mati) dan ia dibunuh dengan benda tumpul (tidak tajam).
- 2- Sekiranya binatang itu dibunuh dengan panah dan peluru –haram makan buruan itu, kerana kematiannya disebabkan oleh dua senjata : senjata yang dibenarkan dan senjata yang diharamkan, maka diberatkan hukum haramnya – iaitu hukum bangkai itu haram.
- 3- Sekiranya binatang itu tercekik dan mati di tali yang digantung – maka haram makan buruan itu, kerana haram makan ‘munkhaniqah’ (binatang yang mati terjerut tali di lehernya).
- 4- Sekiranya binatang itu terkena panah dan rebah di tepi puncak bukit lalu jatuh dan masih mempunyai ‘hayat mustaqirrah’ kemudian mati – maka haram makan buruan itu, kerana ia mati disebabkan oleh dua perkara iaitu jatuh dari bukit selepas terkena panah.

Rukun Keempat : penyembelih:

- Halal sembelihan orang Islam, golongan ahli Kitab sama ada lelaki atau perempuan berdasarkan firman Allah s.w.t:
 “(dihalalkan bagimu) makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi Al Kitab itu halal bagimu, dan makanan kamu halal (pula) bagi mereka”.⁵⁶

Ibnu Abbas berkata : “Sesungguhnya dihalalkan sembelihan ahli Kitab kerana mereka beriman dengan Taurat dan Injil”.

Catatan tambahan:

Hikmah daripada adanyasyarat pada penyembelih bintang dan mengalirkan darah adalah untuk membezakan daging dan lemak yang halal dengan yang haram.serta memberi peringatan tentang haramnya bangkai kerana darahnya masih ada dalam tubuhnya.

مسائل :

- ۱- لو قُتِلَ بِمِثْقَلٍ وَسُوطٍ وَسَهْمٍ بِلَا نَصْلِ وَلَا حَدٍّ، حَرَّمَ الصَّيْدَ لِأَنَّهَا مَوْقُودَةٌ فَإِنَّهَا قَتْلٌ بِمَا لَا حَدَّ لَهُ.
- ۲- لو قَتَلَ بِسَهْمٍ وَبِنَدَقَةٍ، حَرَّمَ الصَّيْدَ كَذَلِكَ لِأَنَّ مَوْتَهُ بِهَمَا بِشَيْئَيْنِ وَهَمَا مَبِيحٌ وَمَحْرَمٌ فَغَلَبَ الْمَحْرَمُ لِأَنَّ الْأَصْلَ فِي الْمَيْتَاتِ التَّحْرِيمَ
- ۳- لو أَخْتَقَ الصَّيْدَ وَمَاتَ بِأَحْبُولَةٍ مَنْصُوبَةٍ، حَرَّمَ ذَلِكَ لِقَوْلِهِ تَعَالَى: ﴿وَالْمُنْحَنِقَةُ﴾ (سورة المائدة: ۳).
- ۴- لو أَصَابَ الصَّيْدَ سَهْمًا فَوَقَعَ عَلَى طَرَفِ جَبَلٍ ثُمَّ سَقَطَ مِنْهُ وَفِيهِ حَيَاةٌ مُسْتَقَرَّةٌ وَمَاتَ، حَرَّمَ الصَّيْدَ لِأَنَّهُ مَا شَيْئَيْنِ: وَهُوَ السَّاقِطُ مِنَ الْجَبَلِ بَعْدَ إِصَابَةِ السَّهْمِ لَهُ.

الركن الرابع : الذابح

- يَجِلُّ ذِكَاةُ مُسْلِمٍ وَكُتَابِيٍّ وَمُسْلِمَةٍ وَكُتَابِيَّةٍ، لِقَوْلِ تَعَالَى: ﴿وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ﴾ (سورة المائدة : ۵)
- قال ابن عباس : إنما أحلت ذبائح اليهود والنصارى من أجل أنهم آمنوا بالتوراة و الإنجيل.

*** فائدة:**

الحكمة في اشتراط الذابح وإتخار الدم تمييز حلال اللحم والشحم من حرامهما وتنبية على تحريم الميتة لبقاء دمها.

⁵⁶ Surah al Maidah : ayat 5

Sembelihan janin

1- (Dikira) janin yang mati disebabkan menyembelih ibunya kecualilah janin tersebut masih hidup (selepas dikeluarkan dari perut ibunya) dengan 'hayat mustaqirrah' dan sempat menyembelihnya maka wajib menyembelihkannya.

2- Sekiranya janin tersebut didapati mati dalam perut ibunya yang disembelih maka halal dimakannya berdasarkan hadis : "Janin itu dikira disembelih dengan sembelihan ibunya".

3- Apabila janin itu keluar dari perut ibunya dengan 'hayat mustaqirrah' maka tidak halal dengan sembelihan ibunya sahaja.

4- Janin itu hendaklah tidak bergerak selepas disembelih ibunya. Sekiranya janin itu bergerak dalam perut ibunya selepas disembelih ibunya masa yang agak panjang kemudian berhenti bergerak, maka tidak halal dimakan janin tersebut.

5- sekiranya janin itu mati sebelum disembelih ibunya maka janin tersebut menjadi bangkai dan tidak halal dimakan, kerana sembelihan ibu tidak memberi kesan kepadanya.

Anggota badan yang dipotong dari binatang hidup

- Anggota badan yang dipotong dari binatang yang hidup adalah bangkai sama ada ianya binatang suci atau binatang najis, berdasarkan hadis nabi saw: "Anggota badan yang dipotong dari binatang yang hidup, hukumnya adalah bangkai"
- Anggota badan manusia, ikan, belalang adalah suci, sedangkan selain itu jika dipotong hukumnya najis kecuali rambut atau bulunya yang boleh dimanfaatkan sebagai alas tikar, pakaian (penghangat badan) dan lain-lain - adalah suci.

Firman Allah swt: "dan (Dia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakannya) hingga ke suatu masa".

ذكاة الجنين

١- ذكاة الجنين حاصلة بذكاة أمه إلا أن يوجد حيا حياة مستقرة وأمكته ذكاته فيذكي وجوبا.

٢- لو وُجد جنين ميت أو عيشه عيش مذبوح سواء أشعر أم لا في بطن مذكاة سواء أكانت ذكاتها بذبحها أو إرسال سهم أو نحو كلب عليها حل، لحديث: "ذكاة الجنين ذكاة أمه"

٣- إذا خرج و به حياة مستقرة و أمكته ذكاته فيذكي وجوبا فلا يحل بذكاة أمه

٤- لا بد أن يسكن عقب ذبح أمه فلو اضطرب في البطن بعد ذبح أمه زمانا طويلا ثم سكن لم يحل

٥- لو مات قبل ذكاتها كان ميتا لا محالة لأن ذكاة الأم لم تؤثر فيه

ما قطع من حيوان حي

ما قطع من حي فهو كميته طهارة ونجاسة لخبر "ما قطع من حي فهو ميت"

- جزء البشر والسمك والجراد طاهر دون جزء غيرها إلا الشعور الساقطة من المأكول وأصوافه وأوباره المنتفع بها في المفارش والملابس وغيرها من سائر أنواع الانتفاعات فطاهرة،

قال تعالى: ﴿ وَمِنْ أَصْوَافِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَثْتًا وَمَتَعًا إِلَىٰ حِينٍ ﴾ (سورة النحل: ٨٠)

التدريبات:

س ١- ما الأصل في الذكاة؟ وما أركان الذبح؟ وما كيفية ذكاة الجنين المقدور على ذكاته؟ وغير المقدور على ذكاته؟ وما الذي يسن للذابح مع ذكر الدليل؟

س ٢- بين الحكم فيما يأتي مع ذكر الدليل أو التعليل:

أ) سقطت مدية على مذبح شاة فانذبحت.

ب) ذبح شاة بذهب يجرح.

ج) ذبح طائرا بعظم.

س ٣- اختر الإجابة الصحيحة مما بين القوسين معللا أو مدللا لاختيارك:

أ) شرد بعير فذكاته تكون

(بجرحه ولو في غير مذبحه - في حلقه ولبته - لا بد من قطع الحلقوم والمريء)

ب) المجزيء في الذكاة

(قطع الحلقوم والمريء - قطع الحلقوم - قطع المريء)

ج) وصل الحيوان المجروح إلى حركة المذبوح وفيه شدة الحركة ثم ذبح

(لم يحل - يحل - يكره أكله)

د) المسنون من ذكاة الإبل

(النحر في اللبة - قطع الحلقوم والمريء - قطع الودجين)

هـ) وجد جنين ميت في بطن مذكاة

(ذكاته ذكاة أمه - ميتة لا تحل - يحل مع الكراهة)

و) ما قطع من حي فهو

(نجس - لا يحل - كميتته)

Ibadat korban

الأضحية diambil dari perkataan الضحوة, dinamakan sedemikian sempena perbutan itu dilakukan di awal pagi iaitu waktu dhuha. الأضحية ialah binatang ternakan yang disembelih kerana ibadat pada Allah pada hari raya korban dan hari-hari tasyriq (11,12,13 zulhijjah).

Hukum dan dalilnya:

Hukum الأضحية adalah sunat muakkad – secara sunat kifayah jika ramai bilangan ahli keluarga tersebut. Dan sekiranya seorang diri maka ia adalah sunat ain.

Dalilnya:

1- firman Allah s.w.t:

“Maka Dirikanlah shalat karena Tuhanmu; dan berkorbanlah [menyembelih binatang qurban dan mensyukuri nikmat Allah]”.⁵⁷

2- Sabda nabi s.a.w: “Perkara yang dilakukan oleh seseorang pada hari raya korban yang paling disukai Allah ialah mengalirkan darah (berkorban), kerana sesungguhnya binatang tersebut akan datang pada hari akhirat dengan tanduk dan kulitnya (sebagai saksi amalannya). Dan Allah akan member pahala kepada orang yang berkorban sebelum darah tersebut jatuh ke tanah. Maka tenanglah jiwa.

Syarat orang yang berkorban:

- 1- Islam
- 2- Baligh
- 3- berakal
- 4- berkemampuan

- Berkorban itu boleh dilakukan daripada harta yang lebih daripada keperluannya dan orang di bawah tangungannya pada malam dan siang hari tersebut, juga pakaian seperti dalam masalah sedekah sunat. Hendaklah wang tersebut lebih daripada perbelanjaannya pada hari raya dan hari-hari tasyriq kerana ia termasuk dalam waktunya.

Berkorban lebih dituntut berbanding sedekah dan tidak diberi kelonggaran meninggalkannya bagi orang yang berkemampuan bahkan makruh tidak melakukannya.

الأضحية

تعريفها:

لغة: الأضحية مشتقة من الضحوة، وسميت بأول زمان فعلها وهو الضحى.

شرعا: هي ما يذبح من النعم تقرباً إلى الله تعالى من يوم العيد إلى آخر أيام التشريق.

حكمها:

سنة مؤكدة في حقنا على الكفاية إن تعدد أهل البيت. فإذا فعلها واحد من أهل البيت كفى عن الجميع وإلا فسنة عين

دليلها:

أ) قوله تعالى { فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَحْرَجْ }

ب) قوله عليه الصلاة والسلام: "ما عمل ابن آدم يوم النحر من عمل أحب إلى الله تعالى من إراقة الدم إنما لتأتي يوم القيامة بقرونها وأظلافها وإن الدم ليقع من الله بمكان قبل أن يقع على الأرض فطيبوا بها نفساً"

شروط المتضحي (المخاطب بالأضحية):

١- المسلم ٢- البالغ ٣- العاقل ٤- المستطيع

- لا بد أن تكون فاضلة عن حاجته وحاجة من يمونه في ليلته ويومه وكسوة فصله، كما في

صدقة التطوع وينبغي أن تكون فاضلة عن يوم العيد وأيام التشريق، فإنه وقتها

- التضحية أفضل من صدقة التطوع. قال الشافعي: لا أرخص في تركها لمن قدر عليها -

فيكره للقادر تركها.

⁵⁷ Surah al Kauthar : ayat 2

Perkara sunat bagi orang ingin berkorban

Disunatkan bagi orang ingin berkorban tidak mengerat rambut (seluruh bulu di badan) dan kukunya pada 10 hari bulan zulhijjah sehingga ia berkorban. Ibadat berkorban tidak menjadi wajib kecuali dengan nazar.

Lelaki disunat berkorban dengan sendiri sekiranya pandai sembelih kerana mengikut sunnah nabi s.a.w. Manakala perempuan sunat mewakili berkorban kepada orang lain begitu juga khunsa. Orang tidak dapat berkorban kerana uzur atau sebab-sebab lain maka hendaklah ia melihat sembelihan yang dilakukan kerana nabi s.a.w berkata kepada Fatimah r.a : “pergilah ke tempat binatang korban kamu dan lihatlah ibadat korban itu kerana sesungguhnya titisan darah pertama yang keluar itu akan di ampunkan dosa kamu yang terdahulu”.

Syarat untuk korban

- Syarat untuk korban ialah binatang ternakan seperti unta, lembu dan kambing berdasarkan firman Allah s.w.t :

“Dan bagi tiap-tiap umat telah kami syariatkan penyembelihan (korban), supaya mereka menyebut nama Allah terhadap binatang ternak yang telah direzkikan Allah kepada mereka”⁵⁸

Ini kerana berkorban adalah ibadat yang berkait dengan binatang maka dikhususkan dengan binatang ternakan.

Binatang yang dibolehkan berkorban ialah:

- 1- Anak biri-biri : biri-biri yang cukup umur setahun dan masuk umur 2 tahun, sekalipun bersalin giginya sebelum cukup setahun juga boleh dibuat korban.
- 2- Anak kambing : kambing yang cukup umur 2 tahun dan masuk umur 3 tahun.
- 3- Anak lembu : lembu yang cukup umur 2 tahun dan masuk umur 3 tahun.
- 4- Anak unta : unta yang cukup umur 5 tahun dan masuk umur 5 tahun.

يسن لمن يريد التضحية

- يسن لمن يريد أن لا يزيل شعره ولا ظفره في عشر ذي الحجة حتى يضحى ولا تجب الأضحية إلا بالندر.

- يسن أن يذبح الأضحية الرجل بنفسه إن أحسن الذبح للاتباع. أما المرأة فالسنة لها أن توكل والخنثى مثلها ومن لم يذبح لعذر أو لغيره فليشهدها لأن النبي ﷺ قال لفاطمة رضي الله تعالى عنها: قومي إلى أضحتك فاشهديها فإنه بأول قطرة منها يُغفر لك ما سلف من ذنوبك.

شرط التضحية:

نعم إبل وبقر وغنم لقوله تعالى: ﴿وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ﴾ ولأن التضحية عبادة تتعلق بالحيوان فاخصت بالنعم كالزكاة.

ما يجزئ في الأضحية :

يجزئ في الأضحية من النعم من حيث السن:

- ١) الجذع من الضأن: وهو ما استكمل سنة وطعن في الثانية ولو سقطت أسنانه قبل تمام السنة أجزأ
- ٢) الثني من المعز: وهو ما استكمل سنتين وطعن في الثالثة
- ٣) الثني من (البقر) الإنسي وهو ما استكمل سنتين وطعن في الثالثة
- ٤) الثني من (الإبل) وهو ما استكمل خمس سنين وطعن في السادسة.

⁵⁸ Surah al Hajj : 34

- Boleh dibuat korban sama ada jantan atau betina namun yang jantan lebih baik mengikut pendapat yang paling sahih, kerana dagingnya lebih baik. Imam Syafie berkata: Binatang betina lebih baik daripada jantan kerana dagingnya lebih lembut.

- Boleh dibuat korban lembu atau unta yang dikongsi 7 bahagian (7orang) berdasarkan hadis Jabir r.a menceritakan : "Kami keluar bersama Rasulullah s.a.w dengan perjalanan yang tidak tergesa-gesa untuk menunaikan ibadat haji, lalu baginda menyuruh kami berkongsi pada ekor unta dan lembu. Setiap 7 orang daripada kami pada seekor unta yang disembelih". Ini sama ada mereka sama pada bentuk ibadatnya atau berbeza. Begitu juga lembu boleh dikongsi seramai 7 orang.

- Boleh dibuat korban kambing – sama ada biri-biri atau kambing – untuk seorang sahaja. Sekiranya ia disembelih kambing itu untuk dirinya atau untuk keluarganya atau untuk dirinya bersama orang lain dari segi pahalanya hukumnya adalah harus, berdasarkan hadis : Abu Ayub al Ansori berkata: "Dulu Kami melakukan korban seekor kambing, yang disembelih oleh seorang lelaki untuk dirinya dan ahli keluarganya kemudian manusia berbangga-bangga lalu jadilah (amalan berkorban itu) satu kebanggaan".

Jenis binatang korban yang paling baik

- 1- Binatang korban yang lebih utama yang menambahkan syiar Islam ialah unta, kemudian lembu, kemudian domba (biri-biri), kemudian kambing.
- 2- jika dilihat kepada daging maka daging kambing adalah sebaik-baiknya.
- 3- Jika dilihat kepada warna maka warna putih itu lebih baik, kemudian kuning, kemudian kelabu (putih yang tidak bersih), kemudian merah, kemudian berbelang (putih hitam), kemudian hitam.

– تجزى التضحية بالذكر والأنثى ولكن بالذكر أفضل على الأصح لأن لحمه أطيب. وقال الشافعي: إن الأنثى أحسن من الذكر لأنها أرطب لحماً

– وتجزى البدنة عند الاشتراك فيها عن سبعة لحديث جابر رضي الله تعالى عنه قال: "خرجنا مع رسول الله مهلين بالحج فأمرنا أن نشترك في الإبل والبقر كل سبعة منا في بدنة" وسواء اتفقوا في نوع القرية أو اختلفوا. وكذا البقرة تجزى عن سبعة.

– تجزى الشاة من الضأن أو المعز عن واحد فقط. فإن ذبحها عنه وعن أهله أو عنه وأشرك غيره في ثوابها جاز، الخبر: "أن أبا أيوب الأنصاري قال: كنا نضحى بالشاة الواحدة يذبحها الرجل عنه وعن أهل بيته ثم تباهى الناس بعد فصارت مباهاة"

أفضل أنواع التضحية:

- ١- النظر لإقامة شعارها بدنة ثم بقرة ثم ضأن ثم معز
- ٢- النظر للحم فلحم الضأن خيرها
- ٣- النظر للون فالبيضاء أفضل ثم الصفراء ثم العفراء ثم الحمراء ثم البلقاء ثم السوداء

Binatang yang tidak boleh dibuat korban

4 jenis binatang yang tidak boleh dibuat korban:

1- Buta sebelah mata yang jelas : ia tidak nampak dengan salah satu matanya walaupun masih ada mata hitamnya.

2- Tempang yang jelas : iaitu terlalu tempang yang mana binatang lain mendahuluinya sampai ke padang ragut dan jauh ketinggalan di belakang. Sekiranya tempang itu sedikit yang mana ia tidak ketinggalan jauh dibelakang binatang ternakan lain maka tidak mengapa.

3- Sakit yang nyata : iaitu sakitnya menyebabkan kurus dan tidak elok dagingnya. Sekira sakitnya itu hanya sedikit maka tidak mengapa. Termasuk juga dalam jenis ini binatang gila maka tidak boleh dibuat korban kerana gila sama seperti sakit.

4- penyakit kurus kering yang menghilangkan dagingnya dengan sebab kurusnya iaitu lawan kepada gemuk.

- Perkara tersebut dijelaskan oleh nabi s.a.w : “4 jenis binatang yang tidak boleh dibuat korban: Binatang yang rabun matanya, sakit yang nyata, tempang yang jelas, penyakit kurus kering (yang tidak ada otak kerana kurusnya)”.

- Binatang yang gila tidak boleh dibuat korban.

- Binatang yang **berkurap**, sekalipun kurap itu hanya sedikit mengikut pendapat yang paling sah kerana ia merosakkan dagingnya,

- Binatang bunting tidak boleh dibuat korban.

ما لا تجزىء في الأضحية:

أربع لا تجزىء في الضحايا:

(١) العوراء البين عورها: بأن لم تبصر بإحدى عينيها وإن بقيت الحدقة.

(٢) العرجاء البين عرجها: بأن يشتد عرجها بحيث تسبقها المشية إلى المرعى. وتتخلف عن القطيع فلو كان عرجها يسيراً بحيث لا تتخلف به عن المشية لم يضر.

(٣) المريضة البين مرضها: بأن يظهر بسببه هزالها وفساد لحمها، فلو كان مرضها يسيراً لم يضر. ويدخل في إطلاق المصنف "الهيماء" فلا تجزىء لأن الهيماء كالمريض.

(٤) العجفاء التي ذهب لحمها بسبب الهزال وهي ضد السمن.

- يدل ذلك قوله عليه الصلاة والسلام: "أربع لا تجزىء في الأضاحي العوراء البين عورها، والمريضة البين مرضها، والعرجاء البين عرجها، والعجفاء التي لا تنقى" أي لا مخ لها من شدة الهزال.

- لا تجزىء المجنونة

- لا تجزىء الجرباء، وإن كان الجرب يسيراً على الأصح لأنه يفسد اللحم والودك

- الحامل لا تجزىء.

Tanda binatang yang boleh dibuat korban

- Tanda binatang yang boleh dibuat korban ialah sejahtera daripada kecacatan yang mengurangkan daging atau lainnya daripada bahagian yang dimakan.
- boleh dibuat korban binatang yang dikasi kerana nabi s.a.w menyembelih du biri-biri yang dikasi dan diganti bahagian yang dipotong daripadanya untuk menambahkan daging yang lebih baik dan lebih banyak.
- Boleh dibuat korban binatang patah tanduk selagi tidak mengurangkan dagingnya, sekalipun berdarah disebabkan patahnya. Begitu juga tidak mengapa ada kekurangan pada kejadiannya namun sekiranya mencatatkan dagingnya maka tidak boleh dijadikan korban seperti penyakit kurap dan lain-lain. Binatang yang mempunyai tanduk lebih utama kerana ianya lebih elok dipandang, berdasarkan hadis nabi saw: "Sebaik-baik bintang korban ialah kibasy yang bertanduk".
- Tidak mengapa tercabut beberapa giginya yang tidak mengurangkan pemakanannya dan kurang dagingnya. Sekiranya kurang semua itu maka tidak boleh dijadikan korban kerana ia memberi kesan dalam perkara tersebut.
- Tidak boleh juga bintang yang terpotong sebahagian telinganya – sekalipun sedikit – kerana hilang bahagian yang boleh dimakan, apatah lagi seluruh telinga. Sekiranya ia dilahirkan tanpa telinga maka tidak boleh dijadikan korban berlainan dengan binatang yang tidak ada karung susu, betis, ekor secara semulajadi maka tidak mengapa.
- Tidak boleh juga binatang yang terpotong sebahagian ekornya sekalipun sedikit atau potong sebahagian lidahnya maka ia tidak boleh dijadikan korban kerana berlaku perkara yang memberi kesan kepada kurang daging. Tidak mengapa telinga terbelah dan terkoyak sekiranya tidak hilang kecantikan telinga sedikitpun dengan sebab sedemikian.

ضابط ما يجزىء في الأضحية :

- ضابط المجزىء في الأضحية: السلامة من كل عيب ينقص اللحم أو غيره مما يؤكل.
- يجزىء الخصي، "لأنه ﷺ ضحى بكبشين موجوءين" أي خصيين. وجبر ما قطع منه زيادة لحمه طيباً وكثرة
- تجزىء المكسورة القرن ما لم يعيب اللحم وإن دمي بالكسر ولهذا لا يضر فقده خلقة فإن عيب اللحم ضرر كالجرب وغيره وذات القرن أولى لخبر: "خير الضحية الكبش الأقرن" ولأنه أحسن منظرًا.
- لا يضرّ ذهاب بعض الأسنان لأنه لا يؤثر في الاعتلاف ونقص اللحم فلو ذهب الكل ضرر لأنه يؤثر في ذلك.
- لا يجزىء مقطوع بعض الأذن وإن كان يسيراً لذهاب جزء مأكول. ولا سيما كل الأذن وإن كانت المخلوقة بلا أذن ضرر، بخلاف فاقدة الضرع أو الألية أو الذنب خلقة فإنه لا يضر.
- لا مقطوع بعض الذنب وإن قلّ أو بقطع بعض لسان فإنه يضر لحدوث ما يؤثر في نقص اللحم، ولا يضر شق أذن ولا خرقها إن لم يسقط من الأذن شيء بذلك.

Waktu melakukan ibadat korban

- Bermula waktu ibadat korban dari terbit matahari hari raya korban dan berlalunya masa kadar dua khutbah hari raya yang ringkas dan berlanjutan sehingga terbenam matahari hari terakhir hari-hari tasyriq.

- Bermula waktu ibadat korban dari berlalunya masa kadar dua rakaat solat hari raya dan dua khutbah hari raya dan berlanjutan sehingga terbenam matahari hari terakhir hari-hari tasyriq yang mana sekiranya dipotong halkum dan urat mari' sebelum terbenam keseluruhan matahari pada hari terakhir itu maka sahlah ibadat korbannya.

- Sekiranya ia sembelih sebelum tempoh tersebut atau selepasnya maka tidak dikira sebagai ibadat korban berdasarkan hadis : "Perkara pertama yang kita mulakan pada hari ini ialah kita solat sunat hari raya kemudian pulang dan kita lakukan ibadat korban. barang siapa yang melakukan sedemikian maka ia telah menepati sunnah kami. Dan barang siapa yang sembelih binatang sebelum solat maka ia adalah daging yang diberikan untuk keluarganya, tidak ada sedikitpun daripada ibadat". Hadis Ibnu Hibban : "Pada setiap hari-hari Tasyriq itu boleh dilakukan sembelihan". Paling baik melewatkannya sehingga naik matahari pada hari raya setinggi lembing untuk keluar daripada perbezaan pendapat ulamak.

Perkara yang disunatkan ketika berkorban dari segi perkataan dan perbuatan

Disunatkan ketika penyembelihan 7 perkara:

- 1- Membaca "Bismillah" dan tidak harus menyebut "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" ..
- 2- Selawat ke atas nabi s.a.w untuk mendapat berkat.
- 3- Mengadap kiblat.
- 4- Bertakbir sebanyak 3X selepas membaca Bismillah.
- 5- Doa supaya diterima ibadat ini : "Ya Allah korban ini daripada Mu dan untukMu maka terimalah ibadat saya ini".
- 6- Menajamkan pisau jauh dari pandangan binatang itu.
- 7- Gerakkan pisau daan menekannya ke hadapan dan ke belakang.
- 8- Membaringkan binatang itu di lambing kirinya.
- 9- Mengikat kaki unta.

وقت ذبح الأضحية

من طلوع الشمس يوم النحر ومضي قدر خطبتين خفيفتين ويستمر إلى غروب الشمس من آخر أيام التشريق.

- يدخل وقت ذبح الأضحية من وقت مضي قدر صلاة ركعتي العيد ومضي قدر خطبتين خفيفتين ويستمر إلى غروب الشمس من آخر أيام التشريق الثلاثة بحيث لو قطع الحلقوم والمريء قبل تمام غروب شمس آخرها صحت أضحيته.

- فلو ذبح قبل ذلك أو بعده لم يقطع أضحية لخبر: "أول ما نبدأ به في يومنا هذا نصلي ثم نرجع فنحتر". من فعل ذلك فقد أصاب سنتنا ومن ذبح قبل. فإنما هو لحم قدمه لأهله ليس من النسك في شيء" وخبر ابن حبان: "في كل أيام التشريق ذبح" والأفضل تأخيرها إلى مضي ذلك من ارتفاع شمس يوم النحر كرمح، خروجاً من الخلاف.

ما يستحب عند الذبح:

يستحب عند الذبح تسعة أشياء:

- (١) التسمية، بأن يقول: بسم الله ولا يجوز أن يقول: بسم الله واسم محمد.
- (٢) الصلاة والسلام على النبي تبركاً بهما.
- (٣) استقبال القبلة بالذبيحة
- (٤) التكبير ثلاثاً بعد التسمية
- (٥) الدعاء بالقبول، بأن يقول: اللهم هذا منك وإليك فتقبل مني.
- (٦) تحديد الشفرة في غير مقابلتها.
- (٧) إمرارها وتحامل ذهابها وإياها
- (٨) إضجاعها على شقها الأيسر وشد قوائمها الثلاث غير الرجل اليمنى.
- (٩) عقل الإبل.

Hukum makan daging korba

- Tidak boleh makan sembelihan yang dinazarkan sedikitpun oleh orang yang bernazar. sekiranya ia makan sedikit daripadanya maka hendaklah ia bayar gantinya.

- Boleh makan sembelihan yang sunat keran yang demikian dituntut berdasarkan firman Allah s.w.t:

*"Maka makanlah sebahagian daripadanya dan (sebahagian lagi) berikanlah untuk dimakan orang-orang yang sengsara dan fakir".*⁵⁹

dan Nabi s.a.w makan hati binatang korbannya.

Hukum Jual binatang korban dan mengambil manfaat daripadanya

- Tidak boleh menjual sedikitpun daripada binatang korban , walaupun kulitnya sama ada korban itu nazar atau tidak. seseorang itu boleh menggunakan kulit binatang korban yang sunat itu dan sedekahnya adalah lebih baik.

- Tidak boleh menjual kulit binatang korban dan menyewakannya, kerana ia adalah jual manfaat, ini berdasarkan hadis nabi saw: Sesiapa yang menjual kulit binatang korban maka tidak ada korbanbaginya". Tidak boleh memberikannya sebagai upah kepada tukang sembelih. dan Boleh memberi pinjam kepadanya.

- Manakala binatang yang dinazarkan maka wajib disedekahkan kulitnya. Tanduk juga sama seperti kulit .

- Diberi makan fakir miskin dikalangan orang Islam sebagai sedekah sembelihan yang sunat, sebahagiannya adalah wajib walaupun sedikit daripada dagingnya. memadai membahagikan kepada seorang sahaja daripada mereka kerana harus menghaddkannya sebahagian yang kecil sahaja.

حكم الأكل من الأضحية:

- لا يأكل من الأضحية المنذورة شيئاً، فإن أكل من ذلك شيئاً غرمه.

- يأكل من الأضحية المتطوع بها ندبا لقوله تعالى: فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ وَإِنَّهُ ﷺ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ كَبِدِ أضحيتِه.

حكم البيع من الأضحية والانتفاع بها:

- لا يبيع من الأضحية شيئاً ولو جلدها سواء أكانت منذورة أم لا. وله أن يتنفع بجلد أضحية التطوع والتصدق به أفضل.

- لا يجوز بيع جلد الأضحية ولا إجارته لأنها بيع المنافع، لقوله ﷺ: "من باع جلد أضحيته فلا أضحية له". ولا يجوز إعطاؤه أجره للجزاز، وتجوز له إعارته.

- أما الواجبة فيجب التصديق بجلدها. والقرن مثل الجلد.

- يطعم الفقراء والمساكين من المسلمين، على سبيل التصديق من أضحية التطوع بعضها وجوباً ولو جزءاً يسيراً من لحمها ويكفي الصرف لواحد منهم الفقراء أو المساكين لأنه يجوز الاقتصار على جزء يسير.

⁵⁹ Surah al Hajj : ayat 28

Perkara yang disyaratkan pada daging korban

- Disyaratkan pada daging itu hendaklah daging mentah untuk digunakan oleh penerima mengikut kemahuannya. Tidak memadai dengan menjadikannya sebagai makanan dan mengajak orang fakir makan kerana hak mereka ialah memiliki daging tersebut dan bukan miliki daging yang telah dimasak.

Cara menguruskan korban dan syarat-syaratnya ketika sembelih

- Paling baik disedekahkan semuanya kerana itu lebih hampir kepada ketakwaan dan dapat menjauhkan daripada kepentingan nafsu/diri, kecuali satu, dua atau beberapa suap untuk mendapat bרכת memakannya kerana mengikut sunnah dan keluar daripada perbezaan pendapat ulamak yang mengatakan wajib makan daging korban.

- Sunat melakukan kesemuanya – makan , bersedekah , memberi hadiah – dan menjadikannya tiga bahagian.

- Disyaratkan niat untuk korban ketika sembelih binatang tersebut atau sebelumnya ketika ditentukan binatang yang akan disembelih. Sekiranya ia wakilkan memadai niatnya sahaja dan tidak memerlukan niat wakilnya. Tidak boleh berkorban bagi seseorang untuk orang lain tanpa izinnnya sekalipun telah mati sama seperti lain-lain ibadat.

ما يشترط في اللحم :

- يشترط في اللحم أن يكون نياً ليتصرف فيه من يأخذه بما شاء فلا يكفي جعله طعاماً ودعاء الفقراء إليه لأن حقهم في تملكه ولا تملكهم له مطبوخاً.

كيفية التصرف في الأضحية وما يشترط فيها عند الذبح:

- الأفضل التصدق بكلها لأنه أقرب للتقوى وأبعد عن حظ النفس إلا لقمة أو لقتين أو لقمماً يتبرك بأكلها للتابع وخروجاً من خلاف من أوجب الأكل.

- يسن أن يجمع بين الأكل والتصدق والإهداء وأن يجعل ذلك أثلاثاً.

- يشترط النية للتضحية عند ذبح الأضحية أو قبله عند تعيين ما يضحى به، وإن وكل بذبح كفت نيته ولا حاجة لنية الوكيل ولا تضحية لأحد عن آخر بغير إذنه ولو كان ميتاً كسائر العبادات.

التدريبات:

س ١- أكمل العبارات الآتية :

- أ) حكم الأضحية _____ والمخاطب بها _____ ولا بد أن تكون فاضلة عن _____ .
- ب) شرط التضحية _____ لقوله تعالى _____ ولأن التضحية _____ .
- ج) تجزئ البدنة عن _____ لما رواه مسلم _____ .

س ٢- بين ما يجزئ في الضحايا فيما يأتي:

- أ- المخلوقة بلا أذن.
- ب- فاقدة الضرع والآلية.
- ج- مقطوعة بعض الأذن.
- د- من قُطِعَ شيء يسير من أليتها.

س ٣- ما وقت ذبح الأضحية؟ وما الذي يستحب عند الذبح؟

س ٤- ما حكم الأكل من الأضحية؟ وما القدر الواجب في التصدق من الأضحية؟ وما حكم البيع من الأضحية؟

(KITAB TENTANG KEPUTUSAN-KEPUTUSAN DAN KESAKSIAN-KESAKSIAN)**Pengertiannya:**

(الأقضية) adalah kata jamak bagi (قضاء) dengan bacaan panjang seperti perkataan (قباة) dan (أقبية)

Dari sudut etimologi (**bahasa**) : Berterusannya suatu perkara dan hukum-hukumnya.

Dari sudut terminologi (**istilah syarak**) : Pemisah sebuah pertengkaran, sama ada pertengkaran tersebut dilakukan oleh dua orang atau lebih dengan menggunakan hukum-hukum Allah swt.

(الشهادات) adalah kata jamak bagi (شهادة) iaitu menyampaikan berita tentang suatu perkara dengan menggunakan perkataan tertentu

Dalilnya:

Dalil dalam masalah al-qadha' (penghakiman) sebelum adanya ijma' (kesepakatan ulama) ialah seperti firman Allah swt:

"Dan berilah keputusan di antara mereka dengan apa yang telah Allah turunkan."
(surah al Maidah : 49)

"Maka berilah hukum di antara mereka dengan adil." (surah al Maidah :42)

Dan berdasarkan beberapa hadis, seperti hadis sahih:

"Ketika seorang hakim telah berjihad (mencurahkan segala kemampuan untuk menggali hukum atau membuat suatu keputusan), kemudian keputusannya itu salah, maka baginya mendapat satu pahala dan jika keputusannya itu betul maka baginya dua pahala".
(Bukhari dan Muslim)

Dalam riwayat yang lain menyatakan: "Jika keputusannya betul maka baginya sepuluh pahala".

Hukum perlantikan hakim

1. **Fardhu kifayah**⁶⁰ bagi orang-orang soleh (orang yang mahir dalam bidang hukum hakam)
2. **Fardhu ain**⁶¹ apabila penguasa telah melantik salah seorang-daripada mereka menjadi qadi (pembuat keputusan) pada sebuah daerah, keputusan hukumnya mesti diterima dan diikuti.

⁶⁰ Fardhu Kifayah : Perkara yang wajib dilaksanakan oleh sebahagian anggota masyarakat. Jikadidak ada yang melaksanakannya berdosa semuanya, spt solat jenazah.

⁶¹ Fardhu Ain : Perkara yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam, spt solat fardhu

الأقضية والشهادات**تعريفها:**

الأقضية : جمع قضاء بالمد كقباة وأقبية.

وهو لغة : إمضاء الشيء وإحكامه.

وشرعا : فصل الخصومة بين خصمين فأكثر بحكم الله تعالى.

والشهادات: جمع شهادة، وهي: إخبار عن شيء بلفظ خاص.

دليلها:

والأصل في القضاء قبل الإجماع آيات كقوله تعالى:

﴿ وَأَنْ أَحْكَمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ ﴾ سورة المائدة الآية: ٤٩

﴿ فَاحْكَمْ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ ﴾ سورة المائدة الآية: ٤٢

وأخبار كخبر الصحيحين : "إذا اجتهد الحاكم فأخطأ فله أجر وإن أصاب له أجران"

وفي رواية : "فله عشرة أجور"

حكم تولي القضاء

٢- فرض كفاية في حق الصالحين

١- فرض عين عند تولية الإمام لأحدهم فمن تعين عليه في ناحية لزمه طلبه ولزمه قبوله.

Syarat menjadi qadi:

Tidak sah menjadi seorang qadi (pembuat keputusan) di antara manusia kecuali orang yang telah memenuhi **14** kriteria, iaitu:

1. Islam. Tidak sah bagi orang kafir menguasai dan membuat keputusan hukum walaupun terhadap orang kafir sendiri. Kebiasaan yang berlaku pada perlantikan orang kafir untuk memimpin kaum kafir, maka menurut Imam Mawardi bahawa kepemimpinan orang kafir itu bukan dalam bidang hukum (legislative) dan qada' (judikatif) melainkan dalam bidang eksekutif.

2. Sampai Umur .

3. Berakal. Tidak sah orang yang tidak mukallaf (tidak dibebani hukum) menguasai dan membuat keputusan hukum kerana kekurangannya.

4. Lelaki. Tidak sah bagi wanita menjadi pemegang kekuasaan hukum.

5. Adil. Tidak sah bagi orang yang fasiq (orang yang tidak terjaga agamanya) memegang kekuasaan hukum. Imam Ibnu al-Naqib mengatakan dalam kitab Mukhtasar al-Kifayah bahawa orang yang dalam hartanya terdapat harta syubhat adalah termasuk fasiq. sehingga orang tersebut tidak boleh memegang kekuasaan hukum. Namun, dalam masalah ini, Imam ad-Damiri tidak sependapat dengan beliau.

6. Mengetahui hukum-hukum al-Qur'an dan hukum-hukum as-Sunnah atas jalan ijtihad. Tidak disyaratkan hafal ayat-ayat al-Qur'an atau as-Sunnah dengan hafalan di dada. Ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan hukum sebagaimana diutarakan oleh al-Bundani dan al-Mawardi serta yang lainnya adalah sebanyak 500 ayat. Kemudian al Mawardi mengatakan bahawa bilangan hadis yang berkaitan dengan hukum itu juga sebanyak 500 hadis sebagaimana bilangan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan hukum.

7. Mengetahui dan memahami al-ijma' (pendapat yang disepakati) dan al-ikhtilaf (perbezaan pendapat) dalam masalah hukum.

Seorang qadi (hakim) akan mengetahui pendapat-pendapat para sahabat dan pendapat orang-orang sesudahnya (para tabi'in, tabi'it tabi'in dan seterusnya), sama ada yang disepakati ataupun yang berbeza pendapat, sehingga ia tidak memberikan keputusan hukum yang berbeza dengan ijma' (keputusan yang telah disepakati) oleh ulama-ulama sebelumnya.

8. Mengetahui cara-cara berijtihad (menggali hukum) yang menyampaikan kepada mengetahui tentang hukum-hukum syarak.

شروط القاضي:

ولا يجوز أن يلي القضاء إلا من استكملت فيه أربع عشرة خصلة.

١- الإسلام : فلا تصح ولاية كافر ولو على كافر وماجرت به العادة من نصب شخص منهم للحكم بينهم فهو تقليد رئاسة وزعامة لا تقليد حكم وقضاء كما قاله الماوردي.

٢- البلوغ

٣- العقل: فلا تصح ولاية غير مكلف لنقصه

٤- الذكورية : فلا تصح ولاية امرأة.

٥- العدالة : فلا تصح ولاية فاسق ولو بما له فيه شبهة على الصحيح كما قاله ابن النقيب في مختصر الكفاية وإن اقتضى كلام الدميري خلافه.

٦- معرفة أحكام الكتاب والسنة على طريق الاجتهاد ولا يشترط حفظ آياتها ولا أحاديثها المتعلقة بما عن ظهر قلب وآي الأحكام كما ذكره البندنجي والماوردي وغيرهما خمسمائة آية، وعن الماوردي أن عدد أحاديث الأحكام خمسمائة كعدد الآي.

٧- معرفة الإجماع والاختلاف : فيعرف أقوال الصحابة ومن بعدهم إجماعا واختلافا لئلا يقع في حكم أجمعوا على خلافه.

٨- معرفة طرق الاجتهاد الموصلة إلى مدارك الأحكام الشرعية.

9. **Mengetahui berbagai macam dialek Arab**, dari segi bahasa, kedudukan perkataan dan bentuk-bentuk perkataan, sehingga dapat mengetahui kata-kata yang *am* (umum), *khas* (tertentu), *mutlak* (tidak terbatas), *muqayyad* (terbatas), *mujmal* (umum), *mubayyan* (terperinci) serta dapat mengetahui bentuk-bentuk *amar* (kata perintah), *nahi* (kata larangan), *khbariyyah* (ayat berita), *istifham* (kata tanya), *wa'du* (ayat janji), *wa'id* (ayat ancaman) dan dapat mengetahui pula *isim* (kata nama), *fi'il* (kata kerja), *harf* (kata sendi). Kemudian, dengan mengetahui hal-hal tersebut di atas al-kitab dan as-Sunnah dapat difahami dan diketahui maksudnya.

10. **Mengetahui segi-segi tafsir al-Qur'an** supaya dapat diketahui hukum-hukum yang berada di dalamnya dan diambil darinya.

11. **Qadi (hakim) itu seorang dapat mendengar** walaupun dengan cara berbicara dengan suara yang keras di telinganya. Dengan itu, tidak sah menjadi qadi (hakim) orang yang tuli, yang tidak dapat mendengar sama sekali kerana orang itu tidak dapat membezakan antara pengakuan dan pengingkaran.

12. **Qadi (hakim) itu seorang yang dapat melihat.** Tidak sah memberikan kekuasaan qadi (hakim) kepada orang yang buta, orang yang tidak dapat melihat rupa orang dan orang yang tidak dapat memahami gambar, kerana mereka tidak dapat memahami siapa orang yang menuntut dan siapa orang yang dituntut.

Kemudian, apabila orang itu dapat memahami dan mengenali gambar walaupun secara dekat, maka sah baginya menjadi seorang qadi (hakim).

Apabila dipersoalkan, **mengapa tidak dibolehkan seorang qadi itu buta padahal Rasul (saw) melantik Ibnu Ummi Maktum yang buta menjadi penggantinya di Madinah.** Dan dengan dasar ini juga Imam Malik berpendapat bahawa sah menyerahkan kekuasaan qadi kepada orang buta.

Persoalan di atas dapat dijawab dengan alasan bahawa Rasul (saw) melantik Ibnu Ummi Maktum untuk menggantikan dirinya dalam hal menjadi imam solat bukan dalam masalah hukum.

13. **Qadi (hakim) itu seorang yang dapat menulis.** Begitulah menurut salah satu pendapat dari dua pendapat yang ada. Sedangkan Imam Azra'i dan Zarkasy memilih pendapat ini kerana ada keperluan qadi untuk mencatat sesuatu kepada orang lain dan juga dengan adanya qadi yang dapat membaca maka ia akan selamat dan terhindar dari perubahan-perubahan dibacakan kepadanya, yang tidak sesuai dengan catatan yang ada.

Adapun menurut pendapat yang lebih sah dari dua pendapat tersebut adalah sebagaimana terdapat dalam kitab Raudhah dan kitab lainnya yang mengatakan bahawa tidak ada syarat bagi seorang qadi untuk dapat membaca, kerana Nabi Muhammad (saw) adalah seorang yang buta huruf.

14. **Qadi perlu bersikap tegas** sehingga ia tidak mudah terlena oleh pujukan kata-kata ataupun rasuah.

٩- معرفة طرفي من لسان العرب : لغة وإعرابا وتصريفا لأن به يعرف عموم اللفظ وخصوصه وإطلاقه وتقييده وإجماله وبيانه وصيغ الأمر والنهي والخبر والاستفهام والوعد والوعيد والأسماء والأفعال والحروف وما لا بد منه في فهم الكتاب والسنة.

١٠- معرفة طرف تفسير من كتاب الله تعالى ليعرف به الأحكام المأخوذة منه.

١١- أن يكون سميعا ولو بصياح في أذنه فلا يولى أصم لا يسمع أصلا فإنه لا يفرق بين إقرار وإنكار.

١٢- أن يكون بصيرا : فلا يولى أعمى ولا من يرى الأشباح ولا يعرف الصور لأنه لا يعرف الطالب من المطلوب فإن كان يعرف الصور إذا قربت منه صح.

* فإن قيل: قد استخلف النبي ابن أم مكتوم على المدينة وهو أعمى ولذلك قال مالك بصحة ولاية الأعمى. أجيب: بأنه إنما استخلفه في إمامة الصلاة دون الحكم.

١٣- أن يكون كاتباً على أحد وجهين اختاره الأذرع والزرکشي لاحتياجه إلى أن يكتب إلى غيره ولأن فيه أمناً من تحريف القاريء عليه وأصحهما كما في الروضة وغيرها عدم اشتراط كونه كاتباً لأنه ﷺ كان أمياً.

١٤- أن يكون يقظاً : بحيث لا يؤتى من غفلة ولا يخدع من غرة.

Hukum melantik orang yang tidak layak sedangkan masih ada orang soleh lain

Apabila imam (pihak berkuasa) mengetahui ada salah seorang yang ahli (memenuhi kriteria tersebut di atas), maka imam mestilah menyerahkan jawatan qadhi kepadanya, dan apabila belum ditemui maka diadakan kajian-kajian pada keadaan setempat, sebagaimana Rasul (saw) yang mencuba Mu'az untuk dijadikan seorang qadhi.

Sekiranya imam (pihak berkuasa) menyerahkan jawatan qadi kepada orang yang belum ahlinya atau tidak layak sebagai qadi (hakim) padahal ada orang yang ahli atau yang sesuai menjadi qadi, maka mendapat dosa imam dan orang yang diberi jawatan qadi Serta keputusan hukumnya tidak dapat dilaksanakan walaupun sesuai dengan kebenaran.

Hilang kelayakan qadi dan pemecatannya

Imam (penguasa) boleh memberhentikan atau memecat seorang qadhi dengan sebab perkara-perkara berikut:

- 1- mempunyai cacat hukum
- 2- atau yang lebih dari itu
- 3- atau juga demi kebaikan dan ketenteraman masyarakat,

Pengesahan Jawatan qadi dengan dua perkara:

- 1- ada dua orang saksi
- 2- mengetahui dengan benar jurisdiksi (bidang kuasanya).

Ciri tempat duduk seorang qadi

- 1- Disunatkan bagi qadi (hakim) ketika mengadakan persidangan berada di tengah-tengah kota.
- 2- Tempat duduknya di tempat yang luas yang jelas dapat dilihat oleh manusia.

حكم تولية من لا يصلح مع وجود الصالح

وإذا عرف الإمام أهلية أحد ولأه وإلا بحث عن حاله كما اختبر النبي ﷺ معاذًا
لو ولي من لا يصلح للقضاء مع وجود الصالح له والعلم بالحال أتم المُوَلِّي والمُوَلَّى ولا ينفذ
قضاؤه وإن أصاب فيه.

زوال أهلية القاضي وعزله

يجوز للإمام عزل القاضي بأمور :

- ١- خلل ،
- ٢- أفضل منه ،
- ٣- مصلحة.

تثبت تولية القاضي بأحد أمرين :

- ١- شاهدان
- ٢- استفاضة

صفة مكان جلوس القاضي:

- ١- يستحب أن يجلس القاضي للقضاء في وسط البلد
- ٢- موضع فسيح بارز للناس أي ظاهر لهم

Perkara yang perlu diteliti oleh qadi pada awal perlantikannya:

1- Melihat dan meneliti orang-orang yang dipenjara kerana hal itu merupakan seksaan. Maka apabila orang-orang yang berada di penjara tersebut mengakui akan kebenarannya maka berilah hukuman yang sesuai.

Jika orang-orang itu mengatakan "aku telah dianiaya," maka bagi pendakwa atau penuntut mesti mempunyai alasan dan bukti-bukti, dan bila pendakwa atau penuntut tidak berada di tempat itu, maka qadi menulis surat untuk mendatangkannya atau wakilnya (kuasa hukumnya).

2- Meneliti masalah-masalah yang berkaitan dengan wasiat, apabila ditemui masalah tersebut berdasarkan pada keadilan yang kuat maka qadi memberikan ketetapan hukumnya dan apabila ditemui masalah yang tidak adil dalam pengambilan harta atau berdasarkan keadilan tetapi lemah maka qadi dapat meneliti dan menguatkan kembali berdasarkan pada bukti-bukti yang nyata.

3- Melantik pencatit kerana hal itu diperlukan. Syarat pencatit adalah orang yang adil, lelaki, merdeka, mengetahui catatan yang ada dan pembukuan-pembukuannya, kemudian disyaratkan orang itu adalah ahli hukum, terpelihara dirinya dari perkara yang tercela, sempurna akalannya dan disunatkan orang yang baik tulisannya.

4- Melantik beberapa orang penterjemah (yang menjelaskan perkataannya atau perkataan-perkataan orang yang bersengketa)

5- Qadi boleh menggunakan tongkat untuk mendidik atau juga penjara untuk menegakkan kebenaran dan sebagai hukuman.

Penghakiman di masjid

Dimakruhkan melaksanakan perbicaraan di dalam masjid. kerana memelihara kesucian masjid dari suara-suara keras dan bising yang biasa terjadi dalam perbicaraan,

الأمر التي ينبغي للقاضي النظر فيها أولا عند توليه:

١- ينظر في أهل الحبس لأنه عذاب فمن أقر منهم بحق فعل به مقتضاه ومن قال:

"ظلمت" فعلى خصمه حجة فإن كان خصمه غائبا كتب إليه ليحضر هو أو وكيله

٢- ينظر في الأوصياء فمن وجده عدلا قويا فيها: أقره. ومن وجده فاسقا: أخذ المال منه.

ومن وجده عدلا ضعيفا: عضده بمعين

٣- يتخذ كاتباً للحاجة إليه. شرط الكاتب: عدلا - ذكرا - عارفا بكتابة محاضر

وسجلات شرطا فيها ففيها - عفيفا - وافر العقل - جيد الخط ندبا

٤- أن يتخذ مترجمين

٥- أن يتخذ درة (أي: عصا) للتأديب وسجنا لأداء حق ولعقوبة.

القضاء في المسجد

- لا يقعد للقضاء في المسجد أي يكره له اتخاذه مجلسا للحكم صوتا له عن ارتفاع

الأصوات واللغظ الواقعين بمجلس القضاء عادة.

Perkara yang wajib dilakukan oleh qadhi di antara dua orang yang bersengketa dalam tujuh perkara :

1. Qadi perlu memberikan tempat duduk yang sama terhadap dua orang yang bersengketa,
2. Memberikan persamaan ketika mendengar perkataan dari dua orang yang bersengketa,
3. Memberikan persamaan untuk memandangi kedua orang yang bersengketa
4. Memberikan persamaan kepada kedua orang yang bersengketa dalam memberikan izin masuk.
5. Memberikan persamaan kepada orang yang bersengketa dalam memberikan penghormatan dengan berdiri.
6. Memberikan persamaan kepada orang yang bersengketa dalam menjawab salamnya, apabila mereka memberikan salam secara bersamaan.
7. Memerlihatkan raut muka yang sama terhadap kedua orang yang bersengketa dan juga dalam hal memberikan segala penghormatan.

Hukum memberi hadiah kepada qadi

Tidak dibolehkan bagi seorang qadi menerima hadiah dari seseorang yang mempunyai persengkataan hukum, kerana adanya hadis: "Hadiah-hadiah dari para pegawai itu haram". Dan ada pula riwayat: "Hadiah-hadiah dari para penguasa itu haram,"

Dan kerana sesungguhnya hadiah-hadiah itu boleh menarik kecenderungan hati terhadap orang yang memberikannya dan menghancurkan hati orang yang menjadi lawan sengketanya.

Tempat dimakruhkan bagi qadhi ketika memberikan keputusan hukum dalam 10 keadaan

1. Ketika dalam keadaan marah, kerana adanya hadis sahih: "Tidak dibolehkan salah seorang dari kamu memberikan keputusan hukum terhadap dua orang yang bersengketa, sedangkan orang itu dalam keadaan marah."(Bukhari Muslim)
2. Dalam keadaan sangat lapar.
3. Dalam keadaan sangat haus.
4. Dalam keadaan nafsunya sangat memuncak, iaitu keinginan untuk berkahwin sangat tinggi.
5. Dalam keadaan sangat sedih kerana mendapat musibah atau yang lainnya.
6. Dalam keadaan sangat bahagia.

الأمر التي يجب على القاضي فعلها بين الخصمين في سبعة أشياء:

الأول: أن يسوي بينهما في المجلس

الثاني: في استماع اللفظ منهما

الثالث: في اللحظ

الرابع: في دخولهما عليه

الخامس: في القيام لهما

السادس: في جواب سلامهما إن سلما معا

السابع: في طلاقة الوجه وسائر أنواع الإكرام

حكم الهدية للقاضي:

- لا يجوز للقاضي أن يقبل الهدية، لخبر "هدايا العمال سحت"^{٦٢}. وروي "هدايا

السلطان سحت"^{٦٣}، ولأنها تدعو إلى الميل إليه وينكسر بها قلب خصمه

المواضع التي يكره للقاضي القضاء في عشرة مواضع:

الموضع الأول: عند الغضب: لخبر الصحيحين "لا يحكم أحد بين اثنين وهو غضبان"

الموضع الثاني: عند الجوع المفرط

الموضع الثالث: عند العطش المفرط

الموضع الرابع: عند شدة الشهوة أي التوقان إلى النكاح.

الموضع الخامس: عند الحزن المفرط في مصيبة أو غيرها.

الموضع السادس: عند الفرح المفرط

^{٦٢} أخرجه ابن عدي في الكامل

^{٦٣} أخرجه الخطيب البغدادي في تلخيص المتشابه

7. Dalam keadaan sakit yang parah.
 8. Dalam keadaan sedang menahan salah satu dari dua kotoran, iaitu kencing dan berak.
 9. Dalam keadaan sangat mengantuk,
 10. Dalam keadaan sangat panas atau sangat sejuk.
- dimakruhkan bagi qadhi untuk membuat keputusan hukum ialah ketika qadhi dalam keadaan sangat takut atau sangat bosan sebagaimana telah ditetapkan dalam kitab Raudhah.

Perkara yang dilarang bagi qadhi melakukannya

- Tidak dibolehkan bagi qadi mentalqin (menyuruh orang yang bersengketa menirukan ucapannya) untuk memberikan hujah (alasan-alasan yang dijadikan dasar) agar dapat memenangi perkara itu ke atas lawannya. Dan tidak dibolehkan juga bagi qadi memberikan pengertian-pengertian kepada orang yang bersengketa (sebelum dimulakan perbicaraan) agar kelak dalam perbicaraan orang itu boleh mengetahui bagaimana caranya mengajukan tuduhan atau mengetahui bagaimana menjawab tuduhan atau bagaimana caranya berikrar atau bagaimana cara mengingkarinya.
- Tidak dibolehkan bagi qadhi memberikan kesukaran-kesukaran kepada saksi-saksi. Contohnya, dengan mengatakan: "Untuk apa kamu bersaksi, adakah ini sebuah kesaksian?" atau kata-kata lain yang boleh menjadikan saksi meninggalkan atau enggan menjadi saksi, kerana apabila hal itu dilakukan boleh menimbulkan kerugian terhadap orang yang bersengketa tentang apa yang telah disaksikan oleh mereka yang menjadi saksi.
- Qadi tidak boleh menerima kesaksian dari orang yang belum diketahui lagi akan keadilannya, dan kesaksian boleh diterima apabila sudah ada ketetapan tentang sifat keadilannya, sama ada orang yang bersengketa itu mencela atau diam saja. Kerana pada dasarnya, keputusan hukum boleh diambil dari kesaksian dari orang yang adil, kemudian sifat keadilan tidak boleh ditetapkan kecuali ada bukti-bukti

Hukum kesaksian musuh terhadap musuh

Tidak dapat diterima kesaksian seorang yang mempunyai permusuhan ke atas musuhnya kerana adanya hadis: "Tidak boleh diterima kesaksian orang yang mempunyai ghimir (irihati dan dendam) terhadap saudaranya"

(Abu Daud dan Ibnu Majah, dengan isnad hasan)

الموضع السابع: عند المرض المؤلم
الموضع الثامن: عند مدافعة أحد الأخبليين أي البول والغائط.
الموضع التاسع: عند النعاس أي غلبته
الموضع و العاشر: عند شدة الحر وشدة البرد
* وأهمل المصنف عند الخوف المزعج وعند الملل وقد جزم بهما في الروضة.

ما يحظر على القاضي فعله

- لا يلحق خصمًا منهما حجة يستظهر بها على خصمه لإضراره به، ولا يفهمه أي واحدا منهما كلاما يعرف به كيفية الدعوى وكيفية الجواب أو الإقرار أو الإنكار.
- لا يتعنت بالشهداء أي لا يشق عليهم كأن يقول لهم لم شهدتم وما هذه الشهادة؟ ونحو ذلك مما يؤدي الى تركهم الشهادة ، فيتضرر الخصم المشهود بذلك.
- لا يقبل القاضي الشهادة إذا لم يعرف عدالة الشاهد إلا ممن ثبتت عدالته عند حاكم سواء أظعن الخصم فيه أم سكت. لأنه حكم بشهادة تتضمن تعديله ، والتعديل لا يثبت إلا بالبينة

حكم شهادة العدو على عدوه

- لا يقبل شهادة عد علي عدوه لحديث "لا تقبل شهادة ذي غمر على أخيه"^{٦٤}

^{٦٤} رواه أبو داود وابن ماجه بإسناد حسن

Hukum kesaksian orang tua terhadap anaknya

- Tidak dapat diterima kesaksian orang tua sampai ke atas (datuk dan seterusnya) terhadap anaknya sampai ke bawah (cucu dan seterusnya).
- Tidak dapat diterima kesaksian anak sampai ke bawah (cucu dan seterusnya) terhadap orang tua sampai ke atas (datuk dan seterusnya) kerana adanya salah prasangka.

Bilakah Seorang qadhi dapat menerima atau melaksanakan (keputusan hukum berdasarkan) surat dari qadhi yang lain

Seorang qadhi tidak dapat menerima atau melaksanakan keputusan hukum berdasarkan surat dari qadhi yang lain seperti dalam surat tersebut terdapat keputusan bagi orang yang hadir memberikan hutang kepada orang yang ghaib (tidak ada di tempat) keculai setelah adanya kesaksian dari dua orang saksi yang adil yang bersaksi tentang isi surat tersebut di depan qadhi yang dikirimkan surat.

حكم شهادة الفرع للأصل والأصل للفرع

- لا تقبل شهادة والد وإن علا لولده وإن سفل
- لا تقبل شهادة ولد وإن سفل لوالده وإن علا للثمة.

متى يقبل القاضي كتاب قاض آخر؟

- لا يقبل القاضي كتاب قاض كتب له به إلى قاض آخر ولو غير معين أي لا يعمل به في ما أنماه فيه من الأحكام كأن حكم فيه لحاضر على غائب بدين إلا بعد شهادة شاهدين عدلى الشهادة يشهدان عند من وصل إليه من القضاة بما فيه أي الكتاب من الحكم.

التدريبات:

س١- اعرّف الأفضية؟ واذكر دليلها؟ وما حكم تولي القضاء؟ وما شروط القاضي؟ وما الذي يستحب في حق القاضي؟ وما الذي يستثنى من عدم جواز قبول الهدية للقاضي؟

س٢- بيّن حكم كل مما يأتي مع التعليل واذكر الدليل:

أ) القضاء بين الخصمين

ب) التسوية بين الخصمين.

ج) بيع القاضي أو شراؤه بنفسه

د) القضاء عند الغضب-

س٣- ضع علامة (V) أو (X) أمام العبارات التالية، مع التعليل:

أ) تصح ولاية المرأة القضاء

ب) يجوز اتخاذ المسجد مكانا للقضاء

ج) يجوز ل القاضي قبول الهدية